





Diterbitkan oleh
UNIT PENERAJU AGENDA BUMIPUTERA
Aras 5, Menara Surian
No. 1, Jalan PJU 7/3
Mutiara Damansara
47810 Selangor Darul Ehsan

HAK CIPTA TERPELIHARA. Tiada sebarang bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula sama ada secara penuh atau separa tanpa mendapatkan kebenaran bertulis daripada penerbit. Walaupun segala langkah diambil untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalamnya adalah betul pada masa penerbitan, TERAJU tidak akan bertanggungjawab sekira terdapat sebarang kesilapan, ketidaklengkapan atau ketidaktepatan.



HALA TUJU TRANSFORMASI EKONOMI BUMIPUTERA 2.0

KANDUNGAN

- 02 KATA-KATA ALUAN OLEH YAB DATO' SRI MOHD NAJIB TUN HAJI ABDUL RAZAK, PERDANA MENTERI MALAYSIA: **MEMACU AGENDA BUMIPUTERA NASIONAL**
- 06 KATA-KATA ALUAN OLEH YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI, TIMBALAN PERDANA MENTERI MALAYSIA: **MEMANFAATKAN KEKUATAN KITA**
- 10 KATA-KATA ALUAN OLEH YB DATUK SERI ABDUL RAHMAN DAHLAN, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI, UNIT PERANCANG EKONOMI DAN PENERUSI JAWATANKUASA EKSEKUTIF TERAJU: **MERANGSANG PEMERKASAAN EKONOMI BUMIPUTERA**
- 14 KENYATAAN OLEH YBHG DATO' HUSNI SALLEH, KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF TERAJU: **MERINTIS TRANSFORMASI EKONOMI BUMIPUTERA SEJAJAR DENGAN MATLAMAT NASIONAL**
- 20 BAB 1. GAMBARAN KESELURUHAN HALA TUJU TRANSFORMASI EKONOMI BUMIPUTERA
- 42 BAB 2. IMPAK PROGRAM BETR 1.0 DAN KEMAJUAN MENCAPI MATLAMAT BUMIPUTERA
- 104 BAB 3. LEMBARAN BAHARU BETR: TRANSFORMASI KESEJAHTERAAN BUMIPUTERA (BETR 2.0)
- 122 BAB 4. BETR 2.0: KERANGKA KESELURUHAN
- 146 BAB 5. MENUJU ERA BARU
- 152 TRANSFORMASI NASIONAL 2050: PANDANGAN GENERASI BARU
- 154 PENGHARGAAN
- 156 SENARAI AHLI MAKMAL BETR 2.0

MEMACU AGENDA BUMIPUTERA NASIONAL

YAB DATO' SRI MOHD NAJIB TUN HAJI ABDUL RAZAK
Perdana Menteri Malaysia



PADA TANGGAL 26 NOVEMBER 2011, KERAJAAN TELAH MELANCARKAN HALA TUJU TRANSFORMASI BUMIPUTERA (BETR) UNTUK MENINGKATKAN KEKAYAAN BUMIPUTERA SEIRING DENGAN TRANSFORMASI MALAYSIA KE ARAH NEGARA BERPENDAPATAN TINGGI MENJELANG 2020.

BETR dibangunkan berdasarkan inisiatif-inisiatif dan kejayaan-kejayaan agenda Bumiputera yang diperkenalkan melalui Dasar Ekonomi Baru pada tahun 1971. Pada tahun 2013, kami telah melancarkan program Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera untuk mencapai objektif-objektif BETR yang meletakkan fokus pada pemerkasaan modal insan, peningkatan pemilikan ekuiti korporat, pemerkukuan pemilikan aset bukan kewangan, peningkatan keusahawanan dan perniagaan dan penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan.

Dari tahun 2011 hingga 2016, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan di bawah BETR, yang mana kami istilahkan sebagai BETR 1.0 untuk menandakan permulaan agenda baru Bumiputera. Inisiatif-inisiatif ini diamanahkan kepada Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) selaku Sekretariat Majlis Ekonomi Bumiputera (yang menggantikan Majlis Tindakan Agenda Bumiputera pada 2013) untuk mengetuai, menyelaras dan memacu penglibatan ekonomi Bumiputera.

Program-program yang dijalankan telah memanfaatkan golongan Bumiputera dari semua peringkat melalui penyaluran bantuan kepada pelajar kurang berkemampuan, usahawan-usahawan yang sedang meningkat dan perniagaan-perniagaan yang sedang berkembang. Sehingga hari ini, bantuan ini termasuklah RM260 juta yang disalurkan melalui Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera untuk memberikan pelajar-pelajar yang dibiaya akses kepada pendidikan menengah dan tinggi yang berkualiti. Di samping itu, melalui inisiatif-inisiatif yang dijalankan oleh Kementerian-Kementerian, agensi Kerajaan, sektor swasta, badan bukan kerajaan dan pihak berkuasa pembangunan koridor ekonomi serantau, BETR telah menghasilkan RM108 bilion dalam bentuk peluang perniagaan, pembiayaan, pembangunan modal insan, pelaburan swasta dan penciptaan nilai.

Saya bangga TERAJU telah menjalankan BETR 1.0 dengan jayanya. Ini dibuktikan dengan kelahiran ramai usahawan melalui program-program TERAJU. Maka usaha BETR 1.0 adalah selaras dengan transformasi Malaysia ke arah menjadi negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Saya berbesar hati untuk melancarkan BETR 2.0 yang menandakan perkembangan aktiviti-aktiviti di bawah BETR 1.0 ke peringkat nasional.

Adalah harapan Kerajaan agar dengan adanya BETR 2.0, serta pelan tindakan dan kejayaan yang dicapai dalam BETR 1.0, kehidupan golongan Bumiputera akan terus meningkat, selari dengan aspirasi kita untuk menjana pendapatan tinggi.

Saya ucapkan tahniah kepada semua peserta BETR 1.0 dan selamat maju jaya kepada peserta BETR 2.0.



**YAB DATO' SRI MOHD NAJIB
TUN HAJI ABDUL RAZAK**

Perdana Menteri Malaysia

MEMANFAATKAN KEKUATAN KITA

YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI
Timbalan Perdana Menteri Malaysia



TATKALA HALA TUJU TRANSFORMASI BUMIPUTERA
(BETR) MEMASUKI ERA BARU, KITA INGIN
MENGINGATKAN BAHAWA AGENDA BUMIPUTERA
BUKAN HANYA UNTUK BUMIPUTERA, TETAPI
MERUPAKAN AGENDA NASIONAL YANG UTAMA.
UNTUK SEKIAN LAMA, AGENDA BUMIPUTERA
BERPERANAN MENGUKUHKAN KEPELBAGAIAN DAN
KEHARMONIAN NEGARA YANG MERUPAKAN ASET
PALING BERNILAI UNTUK RAKYAT.

Bagi membolehkan agenda Bumiputera diteruskan sebagai agenda nasional yang penting, pelaksanaannya menuntut perubahan minda. Oleh kerana itulah melalui BETR 2.0, syarikat-syarikat yang telah mendapat bantuan Kerajaan akan didorong untuk meningkatkan diversiti dan menyediakan peluang bersaing yang lebih saksama kepada wanita, Bumiputera Sabah dan Sarawak, belia dan juga syarikat-syarikat Bumiputera lainnya.

Polisi diversiti ini bertujuan menjadikan Bumiputera dapat bersaing dalam bidang-bidang pekerjaan, pembangunan keusahawanan dan peluang perniagaan, serta mengukuhkan kepimpinan dan kedudukan strategik di syarikat-syarikat besar. Selain itu, ia juga akan memanfaatkan kelebihan serta kepelbagaian negara untuk melebarkan peluang pembentukan kekayaan. Sekaligus, menyumbang kepada pembangunan sosio ekonomi yang lebih

seimbang. Daya saing komuniti Bumiputera kekal menjadi teras utama BETR fasa kedua ini. Ia seiring dengan landskap ekonomi global yang pantas berubah dan perkembangan ekonomi digital yang merupakan aspek terpenting untuk terus bergerak ke hadapan. Selaras dengan pelan pembangunan dan ekonomi nasional, Bumiputera perlu terus bersaing dalam persekitaran yang pantas berubah dengan mengenalpasti dan mengambil peluang-peluang baru.

Faktor-faktor inilah yang menuntut pembaharuan usaha kita dalam pembangunan pendidikan dan, bagi memastikan hasil BETR bermanfaat untuk generasi masa hadapan. Dengan cara ini kita dapat memastikan aspek asas terpenting pemerkasaan ekonomi Bumiputera ditangani bagi menghasilkan kesan berpanjangan.

Sesungguhnya, BETR akan terus memacu negara menuju masa hadapan yang lebih gemilang dengan menerokai era baru seiring dengan transformasi Malaysia mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Dalam usaha mencapai aspirasi Malaysia ini, saya menyeru semua pihak untuk terus kekal mendokong agenda Bumiputera bersama Kerajaan dalam membentuk peluang yang lebih adil dan saksama kepada seluruh rakyat Malaysia.



YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI
Timbalan Perdana Menteri Malaysia

MERANGSANG PEMERKASAAN EKONOMI BUMIPUTERA

YB DATUK SERI ABDUL RAHMAN DAHLAN

Menteri di Jabatan Perdana Menteri,
Unit Perancang Ekonomi dan Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif TERAJU



HALA TUJU TRANSFORMASI BUMIPUTERA TELAH
DILANCARKAN PADA NOVEMBER 2011 DAN INISIATIF
BETR 1.0 DILAKSANAKAN DARI TAHUN 2011 SEHINGGA
2016. (BETR) ADALAH SATU AGENDA BAGI
MENINGKATKAN LAGI KEBERHASILAN UNTUK
BUMIPUTERA. PELBAGAI INISIATIF DI BAWAH AGENDA
INI TELAH MEMBUKA LALUAN BARU KE ARAH
PEMBENTUKAN KEKAYAAN KEPADA INDIVIDU,
USAHAWAN, INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA (IKS),
PERNIAGAAN, BAHKAN UNTUK SYARIKAT
BERKAITAN KERAJAAN (GLC).

Semua kejayaan ini tercapai melalui 27 program di bawah kelolaan TERAJU termasuklah Skim Usahawan Permulaan Bumiputera (SUPERB), Dana Mudahcara, Carve Out and Compete, serta program Syarikat Bumiputera Berprestasi Tinggi (TERAS). Program-program ini melambangkan komitmen padu dari Kerajaan dalam mendukung agenda Bumiputera ke semua peringkat.

Melalui TERAJU, di bawah pengawasan Majlis Ekonomi Bumiputera yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri, program-program ini juga telah menyediakan peluang pekerjaan, dana mudahcara, kemudahan pembiayaan untuk pengembangan perniagaan, pelaburan swasta, dan pembangunan modal insan. Ia dilaksanakan dengan kolaborasi pelbagai pihak, contohnya, kerajaan negeri dan pihak berkuasa koridor ekonomi, agensi Kerajaan, pihak swasta, pertubuhan bukan Kerajaan dan ini semua adalah untuk mencapai objektif utama BETR iaitu meningkatkan posisi

Bumiputera ke peringkat yang lebih tinggi serta memastikan kesaksamaan sosioekonomi dalam ekonomi negara.

BETR 2.0 kini pula meneruskan kejayaan BETR sebelumnya dalam merealisasikan visi kerajaan bagi menjadikan agenda Bumiputera sebagai agenda nasional – yang menekankan kepada kemakmuran sosioekonomi rakyat.

Kerajaan terus bersedia untuk meningkatkan lagi pembangunan Bumiputera dan kekal komited untuk merealisasikan aspirasi Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera. Adalah menjadi harapan saya bahawa mereka yang menerima manfaat dan sudah berjaya melalui program di bawah agenda Bumiputera ini akan terus menyumbang dalam membantu Bumiputera yang lain dengan mewujudkan pelbagai peluang pekerjaan dan perniagaan, membangunkan bakat modal insan dengan menyediakan latihan dan konsultasi, menawarkan bantuan kewangan melalui biasiswa, mengadakan perkongsian ilmu untuk berkongsi

pengetahuan dan pengalaman agar dapat menjadi aspirasi kepada pemain industri yang lain.

Akhir kata, saya amat berharap program BETR 2.0 ini dapat menjadi sebahagian rancangan yang dapat memacu golongan bumiputera khususnya, negara amnya dalam mencapai segala kejayaan dan menjadi negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 nanti.



YB DATUK SERI ABDUL RAHMAN DAHLAN

Menteri di Jabatan Perdana Menteri,
Unit Perancang Ekonomi dan Pengerusi
Jawatankuasa Eksekutif TERAJU

MERINTIS TRANSFORMASI EKONOMI BUMIPUTERA SEJAJAR DENGAN MATLAMAT NASIONAL

YBHG DATO' HUSNI SAILEH
Ketua Pegawai Eksekutif TERAJU



KETIKA TERAJU MULA DITUBUHKAN PADA 2011, KAMI TELAH DIBERIKAN MANDAT YANG JELAS OLEH YAB PERDANA MENTERI DATO' SRI MOHD NAJIB TUN ABDUL RAZAK UNTUK MENGGERAKKAN USAHA KE ARAH MENCAPAI MATLAMAT HALA TUJU TRANSFORMASI BUMIPUTERA (BETR).

BERLANDASKAN MATLAMAT UNTUK MENGUKUHKAN PENGLIBATAN BUMIPUTERA DALAM EKONOMI MALAYSIA, BETR YANG DILANCARKAN PADA NOVEMBER 2011 TELAH DILAKSANAKAN DALAM TEMPOH LIMA TAHUN DI MANA FASA PERTAMANYA (BETR 1.0) TERTUMPU KE ARAH MENCARI INISIATIF UNTUK MEMPERCEPAT PENCIPTAAN KEKAYAAN, MENCAPAI PENGLIBATAN YANG SEIMBANG DALAM RUANG PEKERJAAN KHUSUSNYA DALAM BIDANG BERNILAI TAMBAH TINGGI, SERTA MEMACU SEMANGAT KEUSAHAWANAN DALAM KALANGAN KOMUNITI BUMIPUTERA.

BETR 1.0 telah berjaya mempertingkatkan keberhasilan Bumiputera yang mewakili hampir 70% rakyat Malaysia. Dari tahun 2011 hingga 2016, BETR1.0 telah mencipta peluang pekerjaan, dana dan pelaburan bernilai RM108 bilion.

Kejayaan ini adalah hasil program-program inovatif yang tidak sepenuhnya bergantung pada dana Kerajaan, tetapi berfokus kepada memanfaatkan dana tersebut melalui proses pelipatgandaan dan penyediaan pembiayaan yang lebih besar dari sektor swasta yang memastikan hasil yang meluas kepada kelompok sasaran.

Salah satu program utama yang telah kami laksanakan ialah TERAS, yang telah berkembang melepasi aktiviti utamanya iaitu mengenalpasti syarikat-syarikat terbaik dalam kelompok syarikat Bumiputera. Dilancarkan pada Julai 2011, objektif program ini adalah untuk membolehkan syarikat-syarikat yang menyertainya memperoleh akses kepada peluang perniagaan baru, dana, sumber tenaga mahir selain menyelaras perkhidmatan khidmat nasihat perniagaan yang disediakan oleh agensi-agensi Kerajaan.

Satu lagi inisiatif utama yang bertujuan untuk meningkatkan penyertaan syarikat-syarikat Bumiputera dalam projek-projek mega Kerajaan ialah program 'Carve Out and Compete'. TERAJU telah mengorak langkah ke hadapan dengan bekerjasama dengan Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) untuk mengenalpasti pakej-pakej kerja di bawah MRT Line 1 (Sungai Buloh-Kajang) yang boleh dianugerahkan kepada kontraktor Bumiputera yang layak dan berkemampuan. Hasilnya, sebanyak 50% pakej kerja di bawah MRT Line 1 bernilai RM10.6 bilion telah dianugerahkan kepada 372 kontraktor Bumiputera melalui proses pemilihan yang berdaya saing dan telus.

Melalui Dana TERAS, TERAJU juga telah mengubah cara syarikat Bumiputera memperoleh sumber kewangan dan pinjaman daripada institusi-institusi kewangan. Bermula dengan peruntukan kerajaan sebanyak RM332 juta, dana ini berkembang menjadi fasiliti kewangan bernilai RM3.14 bilion melalui kaedah pelipatgandaan, yang mana RM1.3 bilion telah diluluskan untuk disalurkan kepada syarikat-syarikat Bumiputera. Inovasi ini membolehkan lebih banyak syarikat

Bumiputera menerima bantuan melalui institusi-institusi Kerajaan, dan ini mengurangkan kebergantungan kepada Kerajaan dan menjadikan lebih banyak dana ditawarkan melalui bank-bank.

Program-program ini hanyalah sebahagian daripada program-program di bawah TERAJU yang telah membuka jalan untuk pelaksanaan BETR di peringkat kebangsaan, secara langsung mendorong kepada pelaksanaan BETR2.0. Kita patut berbangga dengan pencapaian setakat ini, namun kita tidak boleh berhenti meneroka inisiatif-inisiatif baru dan memperkenalkan perubahan baru dan penambahbaikan ke atas kaedah-kaedah sedia ada, selain menjalin hubungan strategik demi manfaat Bumiputera di Malaysia.

Hal ini bertepatan dengan agenda Bumiputera yang kekal selari dengan matlamat dan inisiatif-inisiatif di bawah Program Transformasi Nasional serta Rancangan-rancangan Malaysia untuk pembangunan sosioekonomi.

Melalui BETR2.0, TERAJU berharap untuk mengeratkan kerjasama dengan Kementerian-Kementerian, GLC, badan-badan bukan kerajaan (NGO) dan sektor swasta untuk mengembangkan dan mewujudkan program-program baru yang sesuai dengan keperluan semasa. BETR 2.0 akan terus memberi fokus kepada pengukuran impak program-program yang berasaskan keperluan dan merit dan pelaksanaan inisiatif-inisiatif secara telus, demi mencapai Hala Tuju Sebenar (True North) BETR yang baru dikenal pasti iaitu untuk Bumiputera memperoleh pendapatan purata RM5,000 sebulan.

Kami yakin bahawa pengajaran-pengajaran yang telah dipelajari melalui pelaksanaan BETR 1.0 serta program-program sedia ada mampu dijadikan panduan untuk dicontohi oleh agensi-agensi lain dalam usaha menerapkan agenda Bumiputera dalam setiap peringkat ekonomi.

Pada masa yang sama, TERAJU juga berhasrat memperluas pelaksanaan inisiatif-inisiatifnya dan ingin memainkan peranan yang penting dalam mengetengahkan usahawan-usahawan Bumiputera ke peringkat antarabangsa melalui hubungan strategik dengan pelbagai agensi dan institusi kewangan seperti Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE), Pusat Pembangunan Reka Bentuk Malaysia (DDEC), Export-Import Bank of Malaysia Berhad (EXIM Bank) dan banyak lagi. Antara aktiviti yang sedang dirancang ialah penubuhan Teraju International, yang akan bertanggungjawab sebagai pemudah cara syarikat Bumiputera yang sudah bersedia mengeksport untuk menjadi pemain rantau/global dalam sektor masing-masing melalui kerjasama dengan rakan-rakan strategik dan institusi-institusi perbankan. TERAJU International akan bertindak sebagai penghubung dan badan ini akan menyediakan bantuan melalui pelbagai program dalam bentuk pembinaan kemampuan dan keupayaan, perkembangan perniagaan, pemasaran antarabangsa dan kerjasama/usahasama di peringkat global.

Adalah penting untuk Teraju International membentuk jaringan perhubungan yang kukuh dengan pasaran rakan dagang utama Malaysia termasuklah China, APEC/ASEAN, Amerika Syarikat dan Eropah Barat melalui pelbagai jalinan hubungan strategik dan agensi-agensi seperti Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan MATRADE untuk membangunkan, memudahcara dan mempertingkatkan penembusan syarikat Bumiputera ke dalam pasaran eksport.

Adalah menjadi aspirasi TERAJU agar inisiatif ini akan menggalakkan lebih banyak syarikat-syarikat dan usahawan-usahawan Bumiputera untuk melonjak ke arena antarabangsa, meningkatkan daya saing dan menggalakan pendekatan memandang ke luar dalam menjalankan perniagaan, lantas menempa nama di peringkat global. Kami juga berharap kerjasama di peringkat antarabangsa di antara syarikat-syarikat Bumiputera dengan syarikat-syarikat gergasi dalam semua sektor di seluruh dunia akan meningkat.

TERAJU kini sedang mempertimbangkan inisiatif-inisiatif baru yang akan mengubah persekitaran perniagaan (*game changing initiatives*) seperti menubuhkan cabang ekuiti persendirian yang akan menyediakan bantuan ekuiti bagi tujuan penggabungan dan pengambilalihan. Ini dapat dicapai dengan menyatukan dana daripada Kementerian-Kementerian, agensi-agensi dan institusi-institusi pelaburan, khas untuk membantu Bumiputera. Dana ini kemudiannya akan dilipatgandakan seperti model Dana TERAS dan disalurkan kepada syarikat-syarikat yang mahu mengembangkan operasi mereka ke tahap yang lebih tinggi.

Sedang kita sibuk memulakan perjalanan baru yang mencabar ini dan mengimbuai kembali liku-liku yang dihadapi semasa pelaksanaan BETR 1.0, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk berterima kasih kepada YAB Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak atas visi serta kepimpinannya dalam memacu agenda Bumiputera. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Majlis Ekonomi Bumiputera dan Jawatankuasa

Eksekutif TERAJU yang dipengerusikan YB Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Unit Perancang Ekonomi. Terima kasih juga ditujukan kepada Lembaga Pemegang Amanah TERAJU, rakan-rakan strategik serta semua pihak yang telah bekerjasama dengan TERAJU termasuklah Kementerian-Kementerian dan agensi-agensi, institusi-institusi kewangan, organisasi-organisasi pembangunan usahawan, organisasi-organisasi pembangunan industri, pihak berkuasa koridor ekonomi serantau, sektor swasta dan badan-badan bukan kerajaan.



DATO' HUSNI SALLEH

Ketua Pegawai Eksekutif, TERAJU



BAB 1



GAMBARAN KESELURUHAN HALA TUJU TRANSFORMASI EKONOMI BUMIPUTERA 1.0

Hala Tuju Transformasi Ekonomi Bumiputera (BETR) 1.0 dilancarkan pada tahun 2011 dengan dua objektif utama iaitu untuk menghasilkan kelompok Bumiputera yang berkebolehan dan kecekapan bagi memenuhi tuntutan pasaran pekerjaan berkemahiran tinggi; selain mengubah syarikat-syarikat kecil Bumiputera kepada syarikat-syarikat yang mampu bersaing di peringkat antarabangsa. Hala Tuju ini bertindak sebagai kesinambungan usaha Kerajaan dalam melaksanakan Agenda Bumiputera sejak 40 tahun lepas yang lalu di bawah Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Hala Tuju Transformasi Ekonomi Bumiputera berlandaskan enam prinsip yang akan memastikan hasil daripada inisiatif-inisiatif ini kekal relevan dan mampan:

Mesra pasaran

Sumber-sumber akan diagihkan secara optimum tanpa mewujudkan herotan ekonomi. Contohnya, perolehan yang dipacu pasaran akan berdasarkan persetujuan bersama atau '*willing-buyer willing-seller*' oleh pelabur institusi seperti yang dilaksanakan oleh Ekuiti Nasional Berhad (EKUINAS).

1

Berasaskan keperluan

Kumpulan isi rumah 40% terendah dan kumpulan yang kurang bernasib baik akan diberi tumpuan. Contohnya, peluang pendidikan akan disediakan secara khusus kepada anak-anak daripada keluarga yang kurang bernasib baik.

2

Berasaskan Merit

Program-program yang dilaksanakan akan menggalakkan persaingan, sementara peluang diberikan kepada individu dan syarikat yang berkelayakan. Contohnya, pelupusan syarikat milik Kerajaan akan dilaksanakan melalui bidaan kompetitif dengan proses pemilihan yang teliti.

3

Propertumbuhan

Program yang akan dilaksanakan akan merangsang pertumbuhan sektor dan penyertaan Bumiputera dalam sektor tersebut. Tumpuan program akan diselaraskan dengan Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) dibawah Program Transformasi Ekonomi Negara (ETP).

5

Ketelusan

Dasar, prosedur dan kriteria akan dijelaskan dan dimaklumkan kepada umum. Contohnya, dalam inisiatif-inisiatif perolehan Kerajaan yang utama, kriteria kelayakan dan pihak yang disenarai pendek akan diumumkan.

4

Daya Saing Mampan

Dasar dan program akan dikaji semula untuk memastikan syarikat Bumiputera yang dipupuk mempunyai peluang yang saksama untuk berjaya dan mampu berdaya saing di peringkat global. Contohnya, tumpuan program pembangunan vendor ialah mewujudkan beberapa syarikat yang kukuh dan berdaya saing dalam setiap kluster aktiviti di peringkat antarabangsa.

6

Meneraju Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera

BETR diselia oleh Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB), yang meneraju, menyelaras dan memacu penyertaan Bumiputera dalam ekonomi melalui pelbagai inisiatif baru dan sedia ada. Dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri, MEB juga ditugaskan untuk mencetuskan perubahan institusi bagi meningkatkan keberkesanan program-program pemerkasaan ekonomi Bumiputera.

MEB ditubuhkan dengan matlamat untuk mencadangkan strategi *game-changing* dan menilai keberkesanan program Bumiputera. Selaras dengan ini, TERAJU merupakan Sekretariat MEB yang ditubuhkan untuk melaksanakan strategi-strategi ini dan menerajui pelaksanaan BETR.

Peranan MEB ini adalah seperti berikut:

- **Memastikan hasil yang berkesan dan segera**
 - menilai semula inisiatif pembangunan Bumiputera sedia ada bagi memperkasakan keusahawanan Bumiputera, penyertaan dalam pekerjaan berpendapatan tinggi dan keupayaan penciptaan kekayaan;
- **Meningkatkan keberkesanan institusi Bumiputera**
 - menilai institusi-institusi sedia ada yang terlibat dalam Transformasi Ekonomi Bumiputera, merasionalisasikan peranan institusi-institusi berkenaan dan memastikan mandat dan kemahiran yang relevan dengan persekitaran semasa;



- **Pengurusan Program dan Sokongan Aktif**
 - TERAJU akan bekerjasama dengan pelbagai agensi dalam memperincikan program baru, mengenalpasti dan merancang pelan untuk mengatasi halangan yang wujud, membawanya terus kepada MEB untuk mendapatkan keputusan; dan
- **Penilaian keberkesanan**
 - memastikan aspirasi dan sasaran yang jelas ditentukan bagi bidang tumpuan utama iaitu guna tenaga, keusahawanan dan penciptaan kekayaan serta menilai keberkesanan inisiatif dan memperbaiki strategi pelaksanaan.

MEB bermesyuarat sebulan sekali dan sehingga kini sebanyak 43 mesyuarat telah dijalankan, bersamaan 140 jam, sejak 2011.

Agenda Bumiputera yang digariskan dalam Hala Tuju Transformasi Ekonomi Bumiputera adalah selaras dengan Program Transformasi Negara, yang melibatkan pelbagai Kementerian dan sektor-sektor utama. Pelaksanaan Agenda Bumiputera ini dipacu melalui pembentukan inisiatif baru dan perubahan dalam instrumen sedia ada. Selain itu, bagi memastikan kerjasama penuh pelbagai pihak yang terlibat dalam memandu pelaksanaan inisiatif pembangunan ekonomi Bumiputera, TERAJU memastikan penyelarasan melalui kerjasama strategik dengan agensi-agensi Kerajaan, sektor swasta dan badan-badan bukan kerajaan (NGO).

Inisiatif BETR 1.0

Kerangka keseluruhan BETR 1.0 dilaksanakan melalui tiga prinsip berikut:

1) Pembinaan Keupayaan:

- Penubuhan Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (Yayasan Peneraju) bagi menyediakan intervensi dan sokongan kepada Bumiputera merentasi semua taraf dan tahap pendidikan
- Memperkasa Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) bagi meningkatkan keupayaan usahawan

2) Meningkatkan nilai aset-aset milik Bumiputera seperti aset kewangan, hartanah dan ekuiti korporat melalui pengumpulan dan pengurusan dana yang lebih berkesan. Melalui program seperti Skim Jejak Jaya Bumiputera (SJJB), TERAJU menyediakan bantuan khusus kepada syarikat bagi memperkukuhkan

strategi korporat mereka, melakukan penggabungan dan pemerolehan dan menginstitusikan urus tadbir mereka dengan matlamat meningkatkan modal pasaran.

Selaras dengan prinsip ini, Permodalan Nasional Berhad (PNB) juga telah melancarkan Amanah Saham Bumiputera 2 dengan saiz dana sebanyak RM10 bilion pada April 2014, khusus untuk golongan Bumiputera yang berusia antara 19 sehingga 34 tahun.

3) Meningkatkan milikan korporat dan penglibatan Bumiputera mengikut sektor bagi menggalakan penglibatan vendor dan pekerja Bumiputera dalam sektor berpotensi tinggi. Sebagai contoh, TERAJU telah berkerjasama dengan pemilik-pemilik projek pembinaan mega bagi melaksanakan dasar 'Carve Out and Compete' yang membolehkan syarikat-syarikat Bumiputera yang berkelayakan memperoleh sebahagian daripada projek-projek infrastruktur besar.

Dalam pelaksanaan inisiatif BETR 1.0, TERAJU berpandukan prinsip-prinsip berikut:

Mencipta Kesan Pelipatgandaan daripada Peruntukan Dana Kerajaan

Dahulu, agensi-agensi pembangunan usahawan dan industri Kerajaan akan secara terus memberikan dana dalam bentuk pinjaman atau geran kepada syarikat-syarikat Bumiputera. Pada ketika itu, tindakan ini adalah wajar kerana bank-bank swasta kurang berminat untuk memberikan pinjaman kepada perusahaan syarikat kecil dan sederhana (PKS) dan syarikat Bumiputera terutamanya kurang menerima bantuan disebabkan, antaranya, rekod kewangan yang tidak lengkap. Bagaimanapun, seiring dengan kematangan sistem perbankan negara, Malaysia kini mempunyai beberapa institusi kewangan pembangunan yang kukuh dan jumlah bank swasta yang memberi pinjaman kepada PKS juga semakin meningkat. Pendekatan TERAJU adalah dengan berkerjasama dengan bank-bank ini dalam urusan pinjaman kepada syarikat-syarikat Bumiputera, misalnya melalui Dana TERAS yang diberikan kepada syarikat-syarikat TERAS untuk tujuan modal kerja dan pembiayaan aset.


Pendekatan ini mempunyai beberapa manfaat:

- Bank dapat menggunakan dana yang disediakan Kerajaan sebagai cagaran dan sebagai ganti memberi pinjaman 9.4 kali ganda daripada jumlah tersebut.
- Pendekatan ini melengkapi tawaran sedia ada institusi-institusi kewangan dan tidak memberikan kesan *crowding out* kepada sektor swasta.
- Pinjaman dipantau melalui Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (*Centre Credit Reference Information System – CCRIS*) Bank Negara Malaysia, lantas membolehkan institusi-institusi pinjaman mengesan syarikat yang mempunyai pinjaman tidak berbayar.
- Mengenakan disiplin pasaran ke atas syarikat peminjam.
- Institusi kewangan yang menjadi rakan inisiatif dipantau dari segi penyaluran pembiayaan. Sesetengah bank mempunyai prestasi yang lebih baik berbanding yang lain, membolehkan peruntukan masa hadapan diagihkan mengikut keperluan.

Melalui kerjasama dengan bank-bank, TERAJU telah menggandakan jumlah pinjaman yang diberikan kepada syarikat-syarikat Bumiputera, melebihi peruntukan yang diberikan Kerajaan

Jumlah pinjaman tersedia dan diluluskan – Dana TERAS (2012-2016)

RM juta



Lebih daripada 42% jumlah yang tersedia telah digunakan

Penyampaian melalui Rakan Kongsi

TERAJU mengakui wujudnya pelbagai agensi yang memainkan peranan berbeza dalam ekosistem pembentukan dasar sehinggalah kepada pelaksanaan program:



1

Penggubal dasar: Peranan ini melibatkan penilaian isu yang dilakukan berasaskan fakta dan memberi nasihat kepada Kerajaan. Peranan ini turut melibatkan penilaian keberkesanan program-program yang dilaksanakan dalam mencapai matlamat dasar.



2

Pembentukan dan pembangunan program: Peranan ini melibatkan pengenalpastian dan pembangunan program khusus bagi mencapai objektif-objektif yang ditetapkan. Misalnya, program pembiayaan khusus atau program pembinaan keupayaan bagi memenuhi keperluan kumpulan sasaran.



3

Pelaksanaan program: Peranan ini dimainkan oleh agensi-agensi yang terlibat secara langsung bagi menilai, meluluskan dan memberikan dana, melaksanakan program pembangunan keupayaan dan pengoperasian inkubator.



4

Pusat sehenti: Kerajaan semakin kerap menggunakan model pusat sehenti di mana wakil dari pelbagai agensi dikumpulkan di satu lokasi bagi kemudahan kumpulan sasaran.

TERAJU memainkan peranan di peringkat penasihat polisi dan pembangunan program. Prinsip TERAJU adalah untuk bekerjasama dengan rakan penyampaian perkhidmatan dalam pelaksanaan program bagi mengelakkan pertindihan sumber. Selain itu, rakan penyampai perkhidmatan juga membolehkan TERAJU memperluas capaian dari segi geografi dan membuka peluang kepada pelbagai kumpulan berkepentingan. Sebagai contoh, RM20 juta telah disalurkan melalui TERAJU kepada 14 NGO terpilih untuk pelaksanaan program pembangunan keusahawanan Bumiputera.

TERAJU@Koridor ialah salah satu daripada usaha TERAJU dalam memperluas penyampaian melalui kerjasama dengan semua agensi-agensi koridor bagi memastikan program-program dapat dilaksanakan di semua kawasan dan menyokong syarikat-syarikat Bumiputera, selaras dengan matlamat pembangunan setiap koridor ekonomi. Melalui Dana Pembangunan Usahawan (DPUB), seramai 9,394 usahawan telah memanfaatkan pembiayaan sebanyak RM75 juta yang diagihkan kepada pihak berkuasa koridor serantau, termasuk Pihak Berkuasa

Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA), Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA), Koridor Pembangunan Sabah (SDC) dan Kementerian Pembangunan Perindustrian & Keusahawanan, Perdagangan dan Pelaburan Sarawak.

Di bawah program DPUB, RM15 juta telah diperuntukkan kepada setiap pihak berkuasa wilayah koridor untuk disalurkan kepada usahawan kecil dan mikro bagi memperkasakan penyertaan dan penglibatan usahawan mikro Bumiputera dalam bidang keusahawanan melalui inisiatif strategik dan program-program tertentu.

Matlamat program DPUB adalah seperti berikut:

- Meluaskan peluang perniagaan untuk usahawan-usahawan mikro dan kecil
- Membina dan memperkukuh keupayaan berkaitan dengan kemahiran, dana, dan infrastruktur dalam industri-industri tertentu seperti industri asas tani, pelancongan, peruncitan dan pembuatan

- Membentuk peluang pekerjaan kepada Bumiputera pada peringkat mahir/separa mahir, profesional dan pengurusan
- Membantu penyediaan premis runcit/ perniagaan kepada usahawan
- Membantu dalam penyediaan bantuan peralatan seperti alatan/jentera untuk usahawan
- Menyediakan program/skim pinjaman mudah dengan kerjasama bank-bank komersial untuk tujuan modal kerja

Selain daripada program DPUB, TERAJU bekerjasama dengan pihak berkuasa koridor untuk melaksanakan program Dana Mudahcara di mana setakat ini, RM1.59 bilion telah diluluskan untuk 469 projek di seluruh negara.

Pada masa yang sama, kerjasama dengan institusi-institusi kewangan dan agensi-agensi sedia ada bagi pelaksanaan program berteraskan pembiayaan membantu memastikan penyelarasan sumber-sumber Kerajaan.

TERAJU telah bekerjasama dengan SME Bank, RHB Islamic, Maybank Islamic, Malaysia Debt Ventures Berhad (MDV) dan MIDF dalam pelaksanaan program Dana TERAS. Kolaborasi juga dijalinan dengan Majlis Amanah Rakyat (MARA) untuk program Dana Baron, yang bermatlamat untuk membantu Bumiputera memperolehi ekuiti korporat, misalnya, dalam situasi pengambilalihan pengurusan syarikat (*management buy-out*). Kerjasama dengan Bank Rakyat pula diwujudkan bagi membantu pembiayaan koperasi, manakala PROSPER TERAS dijalankan bersama Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) untuk membantu peruncit Bumiputera berprestasi tinggi.

Dalam usaha pembangunan keupayaan, kerjasama dengan pihak-pihak lain seperti Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) diwujudkan melalui penubuhan Pusat Kecemerlangan Industri Pembinaan bagi meningkatkan kemahiran pekerja tempatan dalam sektor pembinaan melalui latihan dan perkongsian ilmu pengetahuan.

Program-program lain yang dilaksanakan melalui usahasama termasuklah:

- **Program Pembiayaan Ekuiti SME Bumiputera (BASE)** yang dilaksanakan dengan SME Bank bermatlamat menyediakan pembiayaan ekuiti kepada syarikat-syarikat SME Bumiputera yang berwibawa. Program ini membenarkan syarikat memperolehi pembiayaan untuk pengambilalihan ekuiti dengan tujuan mendapatkan kawalan dan meluaskan atau mempelbagaikan perniagaan syarikat.
- **Program Pembinaan Keupayaan Pra-Eksport** yang dijalankan bersama Pusat Pembangunan Reka Bentuk (DDEC) bertujuan untuk membantu usahawan-usahawan Bumiputera dalam aktiviti pembangunan jenama terutamanya penjenamaan, pembungkusan dan pelabelan serta capaian pasaran asing melalui pengeksportan produk.
- **Dana Pengembangan Perniagaan Bumiputera (BEF)** dengan kerjasama Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) diperkenalkan untuk membantu usahawan-usahawan Bumiputera mengembangkan operasi mereka di peringkat tempatan dan antarabangsa. Dana ini menawarkan kombinasi pelaburan ekuiti dan pembiayaan berasaskan pinjaman.



- **Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE)** dengan SMECorp dilaksanakan melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS), melibatkan pelbagai Kementerian dan agensi berkaitan. Matlamat TUBE adalah untuk menggalakan golongan belia Bumiputera untuk menceburi bidang keusahawanan dengan menyediakan bimbingan, nasihat dan bantuan kewangan melalui Geran Perniagaan dan Sistem Sahabat serta program Aktiviti Pengurusan.
- **Dana Teknologi Bumiputera (BTF)** dengan Malaysia Debt Ventures Berhad (MDV) bertujuan untuk membantu syarikat berasaskan teknologi sebagai pemudah cara untuk mengembangkan perniagaan mereka menerusi modal kerja patuh Shariah dan kemudahan pembiayaan aset.
- **Best Exporters Program** dengan SME Bank dan MATRADE menyasarkan syarikat-syarikat yang sudah sedia mengeksport, usahawan dan golongan belia, dengan menawarkan sokongan dalam bentuk pembiayaan dan pembangunan keupayaan bagi membolehkan usahawan Bumiputera untuk berdaya saing di pasaran tempatan dan global.
- **Dana Mudahcara** di bawah PUNB untuk sektor peruncitan membantu peruncit-peruncit Bumiputera membangunkan jenama tempatan yang terkenal dan memperoleh jenama antarabangsa yang terkenal untuk meningkatkan daya saing industri mereka. Program ini juga bertujuan membantu peruncit Bumiputera untuk mempromosikan jenama mereka serta menyediakan platform bagi meningkatkan akses pasaran mereka di lokasi strategik dan premium serta pasaran global.

TERAJU@ECER**Program Pembangunan Usahawan Mikro Bumiputera**

Program Pembangunan Usahawan Mikro Bumiputera ECER menyediakan beberapa skim bantuan melalui pembiayaan bank selain bantuan untuk modal kerja, pembelian peralatan dan infrastruktur serta pembiayaan projek pertanian. Ini termasuklah Skim Pembiayaan Runcit Mikro yang disediakan Maybank dengan kerjasama ECER. Antara penerima skim ini termasuklah pemilik perniagaan produk kesihatan Bismillah bt Mahmud dari Kota Bharu, Kelantan.

“Skim ini membantu saya untuk mengembangkan perniagaan dan meningkatkan stok barang jualan,” kata usahawan mikro ini, yang menyaksikan peningkatan 110% pendapatan tahunannya semenjak menjadi penerima skim tersebut.

Sementara itu, sebagai penerima skim bantuan pembelian peralatan, Siti Azah bt Zakarian, pengeluar makanan sejuk beku, juga menyaksikan pendapatan bulannya meningkat dua kali ganda sejak terlibat dalam program itu. “Pendapatan saya meningkat sejak mendapat sokongan ECER daripada TERAJU untuk membeli peralatan,” kata Siti yang berasal dari Bachok, Kelantan. Skim ini membolehkannya membeli mesin pengadun, mesin pengukus, penyejuk beku dan penggoreng gas untuk keperluan perniagaannya.

“Skim ini membantu saya untuk mengembangkan perniagaan dan meningkatkan jualan saya.”

Siti Azah bt Zakaria

TERAJU@ISKANDAR MALAYSIA

Mitti Cables Manufacturing Sdn Bhd (MCMSB)

MCMSB, penerima Dana Mudahcara ialah syarikat milik Bumiputera yang menghasilkan pelbagai jenis kabel dan wayar. Merupakan sebuah syarikat TERAS (diberi 4 bintang penarafan SCORE oleh SME CORP) dan salah satu syarikat yang terawal menerima pengiktirafan di bawah program itu.



Kumpulan syarikat ini milik penuh Dato' Mohd Saffian Azizul Rahman dan Datin Zawyah Md Yusof, di samping beberapa orang pemilik saham yang dicalonkan (terdiri daripada pekerja yang sudah lama berkhidmat).

Produk yang dikeluarkan oleh MCMSB diperakui oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Telekom Malaysia Berhad (TM), mematuhi standard kualiti antarabangsa seperti yang ditetapkan oleh SIRIM Malaysia Standard (MS), British Standard (BS), IEC, Japanese Industrial Standard (JIS) dan Japanese Automobile Standard Organisation (JASO).

MCMSB menjalankan semua ujian kabel di dalam makmal kawalan kualiti milik mereka sendiri. Mereka memperakui mesin dan peralatan ujian terkemuka dunia misalnya; Rosendahl, Ets Pourtier, Setic, Ceeco, Henrich, Troester, Niehoff, Afa Industries, Dcm, Beta Lasermike, Aesa Cortaillod, Labotek, Hipotronics, Hubbell dan lain-lain.

Mewujudkan Perjanjian Persefahaman Dengan KPI Yang Jelas

Melalui kerjasama TERAJU dengan rakan-rakan agensi dalam pelaksanaan program, TERAJU mewujudkan perjanjian persefahaman (Memorandum of Understanding - MoU) yang mempunyai KPI yang jelas dan hasil akhir program yang dipantau melalui laporan bulanan dan sesi penilaian bersama agensi-agensi yang dijalankan dua kali setahun (penilaian pertengahan tahun dan akhir tahun). Ini bagi memastikan kesannya dapat



dipantau dan apabila diperlukan, rakan kolaborasi tambahan akan dibawa masuk bagi melengkapkan usaha tersebut. MoU juga digunakan dengan syarikat-syarikat atau entiti yang menerima bantuan; misalnya yang berada di bawah program SJJB dan Dana NGO.

Dalam situasi ini, komitmen entiti untuk melakukan penambahbaikan tertentu, misalnya memperkukuhkan urus tadbir dan pengurusan kewangan dan membantu Bumiputera lain dimasukkan sebagai syarat perjanjian dan diselaraskan dengan bantuan Kerajaan.

Memupuk Persaingan

Matlamat utama BETR ialah untuk meningkatkan daya saing syarikat Bumiputera dengan memberikan peluang kepada mereka untuk melibatkan diri dalam projek-projek mega Kerajaan. Ini dapat membantu syarikat menambah baik rekod syarikat mereka, di samping menyediakan platform kepada syarikat TERAS yang telah membuktikan keupayaan dan kemampuan mereka melaksanakan projek berskala besar.

Pemacu utama pendekatan ini adalah program '*Carve Out and Compete*', yang mengenal pasti peratusan projek-projek yang boleh diperuntukkan kepada syarikat Bumiputera yang memenuhi syarat-syarat khusus berdasarkan enam prinsip BETR: mesra pasaran, keperluan berasaskan merit, ketelusan, berdaya saing, pro-pertumbuhan dan pembangunan mampan.

Menerusi program ini, syarikat-syarikat Bumiputera yang layak perlu bersaing sesama sendiri bagi memperolehi kontrak sesuatu projek, yang dianugerahkan berasaskan merit.



Walaupun program '*Carve-Out and Compete*' membantu syarikat Bumiputera yang lebih kukuh memperoleh peluang perniagaan, TERAJU juga mengenal pasti kepentingan idea inovatif untuk ditonjolkan dan diberikan pertimbangan sewajarnya. TERAJU telah melancarkan program Skim Usahawan Permulaan Bumiputera (SUPERB) pada Januari 2014 dengan dana permulaan bernilai RM100 juta. SUPERB ialah pertandingan peringkat kebangsaan yang berlangsung setiap suku tahun yang menyasarkan syarikat baru (yang berusia di bawah tiga tahun) dan individu yang berusia bawah 40 tahun yang mempunyai idea, konsep atau produk yang inovatif.



Penerapan Agenda Bumiputera sebagai Agenda Negara

Sebagai salah satu teras daripada lima teras utama BETR 1.0, Pengukuhan Sistem Penyampaian telah membolehkan Kerajaan menerapkan Agenda Bumiputera di peringkat kebangsaan menerusi pelaksanaan oleh setiap Kementerian.

Usaha ini telah dibimbing oleh Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB), yang kini ditambah dengan MEB Sabah dan MEB Sarawak, dan dipacu oleh TERAJU melalui Unit Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera (UPEB) yang telah ditubuhkan di semua 24 Kementerian dan Jabatan Perdana Menteri.

UPEB diketuai oleh Pengarah atau Ketua Unit yang melapor kepada Jawatankuasa Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera (JPEB) di Kementerian masing-masing. Jawatankuasa itu pula dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha atau Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian, yang bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali setiap suku tahun untuk memantau pelaksanaan agenda Bumiputera di peringkat Kementerian.



Pelaksanaan petunjuk prestasi utama (Key Performance Indicator – KPI) pula dipantau oleh Pasukan Khas Pemantauan Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera, yang dianggotai oleh wakil dari EPU dan TERAJU dan bermesyuarat sekali setiap suku tahun. KPI ini kemudiannya dilaporkan kepada Majlis Ekonomi Bumiputera yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri.

Selain daripada aktiviti di peringkat Kementerian, TERAJU turut bekerjasama menetapkan agenda Bumiputera untuk dilaksanakan oleh GLC dan GLIC melalui Khazanah Nasional Berhad, yang bertindak sebagai Sekretariat untuk Jawatankuasa Putrajaya bagi Prestasi Tinggi GLC.



**YAB DATO' SRI MOHD NAJIB
BIN TUN ABD RAZAK**
Pengerusi



**YAB DATO' SERI DR.
AHMAD ZAHID BIN
HAMIDI**



**YB DATO' SRI HJ.
MUSTAPA BIN
MOHAMED**



**YB DATO' SRI HAJI
FADILAH BIN YUSOF**



**YB DATUK SERI ABDUL
RAHMAN BIN DATUK
HJ. DAHLAN**



**YB DATUK SERI JOHARI
BIN ABDUL GHANI**



**YBHG. TAN SRI DR ALI
HAMSA**



**YBHG. TAN SRI
SHAHRIZAT BINTI
ABDUL JALIL**



**YBHG. DATO' SRI IDRIS
JALA**



**YBHG. TAN SRI DR
IRWAN SERIGAR
ABDULLAH**



**YBHG. DATUK SERI DR.
RAHAMAT BIVI YUSOFF**



**YBHG. TAN SRI DATO'
SERI UTAMA NOR
MOHAMED YAKCOP**



**YBHG. TAN SRI DATO'
SRI ABDUL WAHID BIN
OMAR**




**YBHG. DATO' DR
NORRAESAH BINTI HJ
MOHAMAD**




**YBHG. DATO' HUSNI
SALLEH
(SETIAUSAHA)**

KEAHLIAN MAJLIS EKONOMI BUMIPUTERA SABAH



KEAHLIAN MAJLIS EKONOMI BUMIPUTERA SARAWAK





BAB 2

IMPAK PROGRAM BETR 1.0 DAN KEMAJUAN MENCAPAI MATLAMAT BUMIPUTERA



Inisiatif yang dilaksanakan berdasarkan lima teras dalam BETR 1.0 telah mencatatkan impak memberangsangkan sepanjang tempoh pelaksanaan (2011-2016). Inisiatif ini dan impaknya terus melengkapi aktiviti-aktiviti sokongan yang telah dilaksanakan di luar BETR, termasuklah aktiviti yang diterajui sektor swasta.

**Objektif: Meningkatkan pendapatan Bumiputera,
mengurangkan jurang ketidaksamaan dan memupuk**

1

Memper-
kukuhkan
Modal
Insan

2

Menggalakkan
Pekerjaan dan
Pendapatan
Bernilai Tinggi

3

Meningkatkan
Saham
Bumiputera
dan Nilai Ekuiti
Korporat

4

Memperkukuh
Keusahawanan

5

Meningkatkan
pemilikan aset
bukan
kewangan

Meningkatkan Pemilikan Aset Bukan Kewangan

Modal Insan

Inisiatif di bawah BETR 1.0 bertujuan untuk meningkatkan modal insan Bumiputera telah menyumbang kepada hasil yang memberansangkan untuk bakat Bumiputera. Ini termasuklah peningkatan bilangan pelajar yang meneruskan pengajian di pendidikan tinggi, selain peningkatan peratusan pelajar yang mencapai CGPA melebihi 3.5 kepada 19% pada tahun 2015 berbanding 14% pada 2010.

Peratusan Bumiputera yang diambil bekerja dalam pekerjaan bernilai tinggi, seperti yang dikategorikan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia juga telah meningkat daripada 17.8% pada 2011 kepada 26.7% pada 2015. Ini adalah kesan daripada peningkatan jumlah Bumiputera menerima pendidikan tinggi.



Peratus mahasiswa Bumiputera yang mencapai CGPA melebihi 3.5:

2010

14%

2015

19%

Peratusan Bumiputera yang diambil bekerja dalam pekerjaan bernilai tinggi:

2010

17.8%


2015

26.7%

Nilai Gred Purata,

2010 - 2015

Peratusan



Sehubungan itu, kesaksamaan pendapatan Malaysia juga telah meningkat mendadak dan kini setanding dengan sesetengah negara maju. Dalam hal ini, kesaksamaan pendapatan Bumiputera lebih tinggi berbanding kumpulan etnik lain dan telah mengecil kepada 0.389 pada tahun 2014 daripada 0.440 pada tahun 2009. Selain daripada impak ke atas pendidikan, perubahan positif dalam kesaksamaan pendapatan juga dapat dilihat melalui semakin semula tangga gaji perkhidmatan awam dan GLC, yang sebelum ini jauh ketinggalan berbanding bukan GLC; penguatkuasaan Perintah Gaji Minimum pada 2012 dan bantuan terus Kerajaan seperti Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M).



Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera

Usaha-usaha TERAJU berkaitan modal insan dilaksanakan menerusi Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (Yayasan Peneraju). Sejak penubuhannya pada 2011, Yayasan Peneraju telah mengumpul RM260 juta dari Kerajaan dan sumbangan sektor swasta. Daripada jumlah ini, Yayasan Peneraju mengendalikan lebih daripada 150 program intervensi yang berfokus kepada memberi akses kepada kanak-kanak Bumiputera kurang bernasib baik untuk mendapatkan pendidikan rendah dan menengah yang berkualiti, membantu belia Bumiputera tanpa kelayakan rasmi memperolehi sijil yang diiktiraf industri/antarabangsa dan memperoleh pekerjaan di sektor berpendapatan tinggi, serta meningkatkan jumlah pekerja profesional Bumiputera.

Setelah 5 tahun beroperasi, Yayasan Peneraju telah mendaftarkan lebih daripada 14,000 pelajar. Daripada jumlah ini, 3,000 didaftarkan di bawah Teras Peneraju Tunas, 8,000 lagi di bawah teras Peneraju Skil dan 3,000 orang lagi didaftarkan di bawah teras Peneraju Profesional.

Pada 2016, dana bernilai RM110 juta telah digunakan untuk 53 program merangkumi 6,239 pelajar. Antara kejayaan pada 2016 termasuklah: 75% pelajar Peneraju Tunas mencapai CGPA 3.0 (atau setara) ke atas, 85% pelajar berjaya mendapatkan pekerjaan dalam bidang yang diingini, 70% pelajar di bawah teras Peneraju Skil memperolehi 'band' gaji disasarkan dan kadar kelulusan sebanyak 80% dalam kalangan pelajar Peneraju Profesional dalam peperiksaan kelayakan profesional.

Peneraju Tunas Geliga

Auni Wadhiah Azahar, 15 tahun, berasal dari Kuala Terengganu, Terengganu. Ibu bapanya sudah berpisah, dan Auni tinggal bersama emaknya yang bekerja sebagai tukang jahit, dengan gaji bulanan RM700. Dia adalah anak bongsu daripada tiga beradik, yang semuanya masih bersekolah. Walaupun berdepan dengan masalah keluarga dan kewangan, Auni berjaya memperolehi keputusan cemerlang (semua Gred A) dalam peperiksaan UPSR. Auni mengikuti program Peneraju Tunas Geliga di bawah Yayasan Peneraju dan berjaya meneruskan pengajiannya di SMKA Dato' Haji Abbas di Kuala Terengganu, Terengganu. Persekitaran pembelajaran dan pengajaran yang kondusif, serta sokongan kewangan, pembangunan dan bantuan daripada Yayasan Peneraju membolehkan Auni memperkukuhkan prestasi akademiknya. Pada 2016, Auni memperolehi 11 A dalam PT3. Dia kini seorang pelajar Tingkatan Empat.



Peneraju Tunas Potensi (Pembiayaan Luar Negara)

Siti Nur Mashitah Sufian, 22 tahun, berasal dari Rompin, Pahang. Ayahnya bekerja sendiri, manakala emaknya sudah tiada. Dia merupakan anak sulung daripada tujuh adik beradik, di mana semuanya masih bersekolah. Walaupun Siti mempunyai komitmen keluarga dan menghadapi kekangan kewangan, potensi akademik Mashitah tidak tergugat. Dia memperolehi 9A dan 1B dalam peperiksaan SPM. Pada 2012, dia diterima sebagai salah seorang kumpulan perintis program Peneraju Tunas Potensi. Dengan sokongan Yayasan Peneraju, Mashitah bekerja keras dan kekal fokus dalam memenuhi potensi akademiknya. Usaha dan komitmen yang tinggi membolehkan Mashitah menyambung pengajian di luar negara, di mana dia diterima masuk ke University of Queensland, Australia. Selepas 2 tahun, Mashitah menjadi pemegang biasiswa luar negara pertama Peneraju Tunas Potensi yang



berjaya menghabiskan pengajian, dan memperolehi Ijazah Sarjana Muda Sastera, dengan Pengkhususan dalam Psikologi.

Peneraju Tunas Potensi (Pembiayaan Dalam Negara)

Winnie Kariza Bakri, 25 tahun, berasal dari Tawau, Sabah. Dia ialah anak sulung daripada lima adik beradik. Ayahnya sudah bersara dan mendapat pencen berjumlah RM1,000 sebulan, emaknya pula merupakan suri rumah sepenuh masa. Pada awalnya, Winnie bercita-cita untuk menjadi seorang doktor, namun keputusan SPM memaksanya mengambil laluan STPM untuk memperolehi tempat di institusi pendidikan tinggi. Winnie kemudian menyedari potensi dirinya dan berjaya mengimbangkan pendidikan dan aktiviti kurikulumnya. Winnie lulus STPM dengan keputusan CGPA STPM 4.0, dan diterima sebagai pemegang biasiswa Peneraju Tunas Potensi dan meneruskan pengajian di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 2012. Winnie terus cemerlang di dalam bidang akademik dengan sokongan berterusan daripada pembangunan Yayasan Peneraju. Pada 2016, dia memperolehi ijazah kelas pertama dengan kepujian dalam Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial (Kepujian) Geografi



dengan CGPA 3.77. Pada Febuari 2017, dia melengkapkan Ijazah Sarjana dalam bidang Pengurusan Alam Sekitar. Winnie kini bekerja sebagai pegawai Gred 41 di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Peneraju Skil Itlizam Juruterapi Spa

Erelina David, 23 tahun, berasal dari Tambunan, Sabah. Dia ialah anak ketiga daripada sepuluh adik beradik. Ayahnya seorang petani, dengan pendapatan tidak melebihi RM1,000 sebulan, dan emaknya seorang suri rumah. Bertekad untuk mengurangkan beban keluarganya, Erelina menyertai program Peneraju Skil Juruterapi Spa pada Oktober 2015 untuk memperolehi kemahiran dan kelayakan yang diperlukan untuk mendapatkan pekerjaan. Pada April 2016, dia melengkapkan latihan dan memperolehi sijil yang diiktiraf industri dan mula bekerja sebagai juruterapi spa di Legacy Spa, Pulau Pinang pada Mei 2016. Kini Erelina memperolehi gaji melebihi RM5,000 sebulan, (termasuk komisyen, tip dan pelbagai ganjaran menarik) dan mampu membantu keluarganya dari segi kewangan. Dia menjadi inspirasi kepada rakan-rakannya, dan menyimpan harapan membuka perniagaan spa sendiri suatu hari nanti.



Peneraju Skil Penyelia Keselamatan Tapak

Zulhaizam Mohd Noh, 40 tahun, berasal dari Terengganu. Dia ialah anak kedua daripada sembilan adik beradik. Zulhaizam telah dilatih sebagai Juruteknik Elektrik dan Peralatan (E&I) dalam industri minyak dan gas, dengan gaji tinggi sebanyak RM6,000 sehingga RM7,000 sebulan. Disebabkan kemelesetan industri minyak dan pasaran kerja, serta peluang kerjaya yang terhad, Zulhaizam membuat keputusan untuk menaik taraf kemahirannya melalui program Peneraju Skil Penyelia Keselamatan Tapak dan berjaya menjadi seorang Penyelia Keselamatan Tapak. Zulhaizam bekerja dengan Lesus Engineering dan memperolehi purata pendapatan bulanan sebanyak RM10,000. Zulhaizam sudah berkahwin dan kini menunggu kelahiran cahaya mata keempat.



Peneraju Profesional – Akauntan Muda

Fathin Nur Amirah Mohd Nor, 20 tahun, berasal dari Hutan Melintang, Perak. Dia ialah anak keenam daripada sembilan beradik. Ayahnya sudah bersara dan emaknya seorang suri rumah. Fathin seorang pelajar yang bersemangat tinggi berjaya memperolehi semua A dalam SPM pada 2015 dan sangat aktif dalam Persatuan Silat. Pada 2015, Fathin menerima biasiswa Yayasan Peneraju menerusi program Peneraju Profesional Akauntan Muda. Fathin berjaya menghabiskan kertas asas CAT dalam masa setahun, dengan purata markah 85% sebelum meneruskan pengajian dalam program ACCA. Dia memperolehi markah tertinggi di Malaysia untuk kertas F5 (Pengurusan Prestasi), ACCA pada bulan Disember 2016. Secara keseluruhannya, dia berada pada kedudukan ketiga markah tertinggi dunia dan dianugerahkan World Prize oleh ACCA. Kini Fathin lebih bersemangat untuk mencapai cita-citanya menjadi seorang akauntan bertauliah.



Peneraju Profesional – Certified Financial Analyst (CFA)

Izulman Telimik berasal dari Banting, Selangor. Dia ialah anak kedua belas daripada empat belas beradik. Kedua-dua ibubapanya sudah bersara. Pada 2013, Izulman menerima tawaran untuk menyertai kumpulan pertama program Peneraju Profesional CFA. Pada Jun 2016, dia merupakan salah seorang daripada enam orang yang berjaya menamatkan pengajian, dan lulus kesemua kertas serentak. Pada umur 28 tahun, Izulman merupakan sarjana Yayasan Teraju pertama menerima tauliah CFA dan ahli Persatuan CFA Malaysia. Kini Izulman bertugas di Celcom Axiata sebagai Ketua, Projek Khas dan Usahasama.



Peneraju Profesional Jurutera Pesawat Berlesen

Fikri Izzan Kip, 19 tahun, berasal dari Kuching, Sarawak dan merupakan anak keempat daripada lima beradik. Ayahnya bekerja sebagai pembantu penyelidik di MARDI dan ibunya seorang suri rumah. Impiannya dari kecil ialah untuk menjadi jurutera aeroangkasa. Fikri menyertai program Peneraju Juruteknik Pesawat Berlesen pada Jun 2016. Oleh kerana Fikri bekerja keras dan mempunyai minat yang mendalam, dia kemudiannya menyertai Peneraju Jurutera Pesawat Berlesen pada Januari 2017. Kini Fikri semakin bersemangat untuk mengejar impiannya menjadi jurutera pesawat bertauliah.



INSKEN

Sejak mengambil alih INSKEN, TERAJU telah menumpukan fokus kepada menyelaraskan program bertindih bagi memastikan setiap program yang ditawarkan mencakupi pelbagai segmen (misalnya keusahawanan pada peringkat awal, skala pertengahan dan aras tinggi), dan memperkenalkan pelbagai struktur serta pendekatan untuk mengukur keberkesanan latihan.

INSKEN telah melatih seramai 18,574 peserta, dan sejak 2015 hingga Mac 2017, sebanyak 306 program untuk syarikat-syarikat atau usahawan-usahawan peringkat awal, peringkat sederhana dan SME berprestasi tinggi telah dianjurkan, selain program-program penambah baik ekosistem perniagaan. Berdasarkan model 'bekerjasama-menambahbaik-bermanfaat', INSKEN kini bekerjasama dengan semua Agensi-agensi Persekutuan, Kerajaan-kerajaan Negeri, Persatuan-persatuan Pembangunan Keusahawanan dan Universiti-universiti.

Program-program yang dijalankan oleh INSKEN termasuklah:

- Bimbingan oleh Pakar dalam Industri
- Pembangunan Perniagaan Profesional
- *Start-up Business Accelerator Programme*
- Program-Program *Outreach* dan *Stakeholder Engagement*
- Penjanaan Idea/Asas Perniagaan/Pusat Pembelajaran INSKEN
- Latihan Perniagaan INSKEN/Bimbingan Perniagaan INSKEN
- Program Intervensi INSKEN 500
- Pusat Penilaian INSKEN
- Pembangunan Bakat INSKEN
- Program Pengurusan SME INSKEN
- Program SME Berprestasi Tinggi SME untuk pihak awam
- Program SME Regional Star INSKEN bersama INSEAD
- Seminar Perniagaan INSKEN Business Seminar/Perkongsian Ilmu Knowledge Sharing
- Pembangunan dan Latihan Bikaunselor/*Bikaunselor Training and Development*
- Program Latihan Menambahbaik Bikaunselor/*Bikaunselor Enhancement Training*

J&J Services Trading

J&J Services Trading Sdn Bhd ditubuhkan pada tahun 1955 oleh Norjannah Ahmad, Pengarah Urusan syarikat tersebut. Norjannah, 47, berasal dari Sarawak, menceburi perniagaan perkhidmatan pembersihan ketika berusia 25 tahun. Dengan bermodalkan simpanan peribadi berjumlah RM4,000, Norjannah memulakan perniagaannya dengan hanya seorang pekerja. Perniagaan beliau bertumpukan perkhidmatan pembersihan termasuk khidmat pembersihan permaidani pejabat, kerusi kereta dan penyelenggaraan kebersihan bangunan secara keseluruhan. Lama-kelamaan, perniagaan yang dimulakan ibu kepada dua anak ini mula menempa nama di Kuching, Sarawak dengan rekod jualan yang mencecah RM1 juta dalam tempoh sebulan.



Sejak mendapatkan konsultasi perniagaan INSKEN anjuran Biskaunselor yang membantu syarikat dan perniagaan Bumiputera, J&J Services Trading kini mengunjurkan matlamat jualan bulanan lebih RM2 juta sebulan. SME Corp turut memberikan bantuan dengan memberikan dua geran perniagaan. Skop perniagaan J&J Services Trading Sdn Bhd kini tidak terhad kepada perkhidmatan pembersihan sahaja tetapi termasuk pembersihan bahan kimia dan tenaga kerjanya turut bertambah dengan sejumlah 600 pekerja di seluruh Sarawak.



Menurut Norjannah, dia sering diganggu oleh seorang rakannya yang mengatakan dia kurang pengetahuan untuk menjalankan perniagaan dan hanya berbekalkan kelulusan pendidikan Sijil Pelajaran Malaysia. Namun Norjannah tidak pernah patah semangat untuk membina empayar perniagaannya dan mengambil kritikan tersebut sebagai cabaran untuk berusaha lebih kuat lagi demi mencapai kejayaan.

KAT Technologies

KAT Technologies Sdn Bhd adalah pemborong dan pengedar kad prabayar yang terbesar di Malaysia dari segi nilai jualan kasar bulanan dan liputan kawasan pengedaran. YBhg Datuk Ir. (Dr) Khairol Anuar Mohamad Tawi ialah pengasas syarikat KAT Technologies Sdn Bhd.



Antara Program INSKEN yang pernah dihadiri Datuk Khairol termasuk program INSKEN SME Regional Star. Program ini bertujuan untuk memberikan kesedaran kepada usahawan perusahaan kecil dan sederhana bahawa mereka juga mampu mengembangkan perniagaan mereka ke peringkat serantau dan seterusnya ke peringkat antarabangsa.

Datuk Khairol lebih menggemari program INSKEN yang berbentuk “awareness” ini. Ini adalah kerana walaupun program yang berbentuk teori adalah penting di peringkat permulaan perniagaan, apabila sesebuah perniagaan sudah berkembang ke tahap lebih besar program-program yang berbentuk interaksi dan perkongsian pengalaman antara usahawan menjadi lebih penting. Di sini usahawan juga dapat membina *network* untuk mengetahui tentang industri-industri perniagaan lain dari rakan usahawan yang juga akan membuka peluang perniagaan lain di masa akan datang.



Syarikat KAT ditubuhkan pada tahun 1999 di Kuala Lumpur dengan tiga orang kakitangan dan nilai jualan tahunan sebanyak RM600K. Syarikat KAT telah berjaya berkembang sehingga mencatatkan nilai jualan tahunan sebanyak RM835 juta pada tahun 2015. Pengurusan dan pentadbiran kumpulan KAT disokong oleh 200 orang kakitangan yang bertempat di enam belas buah pejabat cawangan di seluruh Malaysia. Jenama prabayar utama yang diedarkan oleh KAT ialah Celcom. Jenama-jenama lain termasuk iTalk (TM), TuneTalk, Merchantrade, dan Altel.

Kumpulan KAT telah menerima pelbagai anugerah selama 18 penglibatan dalam dunia perniagaan termasuk pada tahun 2015, Kumpulan KAT telah menerima anugerah daripada PUNB sebagai 'Anugerah Khas – Usahawan Unggul PUNB (SPARK 2015)'. Yang terkini, pada bulan Oktober 2016, salah satu sistem dan solusi milik Kumpulan KAT telah pun diiktiraf oleh APICTA sebagai pemenang bagi kategori *Retail & Supply Chain Management*.



Siti Khadijah Apparel Sdn Bhd

Siti Khadijah Apparel Sdn Bhd telah ditubuhkan pada tahun 2009 berkhusus dalam pembuatan dan penjualan telekung. Bermula dengan ruang pejabat yang dikongsi dengan Arz Services Sdn Bhd bersama hanya 200 stok permulaan Telekung, Siti Khadijah Apparel Sdn Bhd kini telah berkembang menjadi jenama isi rumah Telekung dengan lebih daripada 12 cawangan di seluruh Malaysia dan sebuah cawangan di Jakarta, Indonesia. Encik Aminuddin Mohd Nasir adalah Pengerusi Eksekutif Siti Khadijah Apparel Sdn Bhd.

Antara program-program INSKEN yang pernah dihadiri oleh Encik Aminuddin adalah INSKEN SME Mergers & Acquisitions Programme, INSKEN SME Financial Management Programme dan INSKEN SME Management Programme. Encik Aminuddin, Pengerusi Eksekutif selaku Pengasas Siti Khadijah Apparel adalah antara usahawan syarikat TERAS yang sentiasa memberi sokongan terhadap program-program yang dilaksanakan oleh INSKEN dengan menghantar kakitangannya sendiri ke sesi program INSKEN yang pernah dihadirinya.

Beliau menyatakan program INSKEN yang dihadiri dapat memberikan pandangan yang lebih mendalam di dalam urus tadbir sesebuah syarikat. Kandungan program di atur dengan tujuan memastikan pihak pengurusan lebih memahami kedudukan syarikat, menilai pilihan-pilihan yang ada dan juga membantu pihak pengurusan dalam membuat keputusan.

Antara perkara yang sedang dipertimbangkan untuk diadaptasikan ke syarikat beliau setelah menghadiri program syarikat berprestasi tinggi INSKEN termasuk kegunaan sistem KPI dan key ratios untuk mengukur kecekapan operasi, produktiviti dan leveraging. Syarikat beliau juga sedang mengenal pasti risiko dalam semua jabatan sebagai sebahagian daripada inisiatif ISO 9001 dan sedang mengambil langkah-langkah untuk menangani risiko perniagaan bagi memastikan perniagaan tidak terjejas hasil dari apa yang dipelajari dari program INSKEN.



Ekuiti Korporat

Penggalakkan ekuiti korporat Bumiputera telah dikenalpasti sebagai salah satu teras di bawah BETR 1.0 berdasarkan peranannya bertindak sebagai pemangkin Bumiputera dalam menjawat pekerjaan pengurusan yang menawarkan gaji lebih tinggi, pembentukan kekayaan melalui peningkatan nilai saham dan pembayaran dividen selain daripada memandu pembangunan vendor Bumiputera melalui pelaburan dan perolehan.



Selain itu, program pembangunan vendor menyumbang kepada pengukuhan rantai pembekalan Bumiputera mengikut sektor.

Seperti yang dinyatakan dalam rancangan pembangunan ekonomi negara, sasaran kerajaan bagi pemilikan ekuiti korporat Bumiputera adalah sebanyak 30%. Sehingga 2014, pasaran permodalan dimiliki Bumiputera, yang mewakili jumlah tertinggi pemilikan ekuiti korporat, meningkat sebanyak RM70 bilion. Ini sejajar dengan usaha peningkatan pemilikan ekuiti korporat Bumiputera yang berpandukan pasaran dan selaras dengan pendekatan mesra pasaran BETR.

Dalam usaha untuk memudahkan penyertaan aktiviti pasaran dengan cara yang tidak mengganggu pasaran, program SJJB dan TERAS telah dilaksanakan di bawah BETR untuk membolehkan syarikat-syarikat Bumiputera merekodkan pertumbuhan lebih daripada pertumbuhan pasaran umum untuk membantu mendorong pemilikan ekuiti korporat.

SKIM JEJAK JAYA BUMIPUTERA

Skim Jejak Jaya Bumiputera (SJJB)

Program SJJB telah memudahcara penyenaaraian 13 syarikat Bumiputera di Bursa Malaysia dengan matlamat menyediakan khidmat nasihat korporat kepada syarikat Bumiputera yang mempunyai potensi IPO, dengan memberikan tumpuan kepada pembangunan kapasiti. Program ini juga membolehkan penciptaan nilai berjumlah RM7.8 bilion.

Selain daripada penyenaaraian di pasaran saham, program ini juga berjaya membantu

syarikat Bumiputera melaksanakan pengambilalihan dan pemerolehan (mergers and acquisitions – M&A). Ini termasuklah pengambilalihan yang dilakukan oleh Censof Holdings Bhd ke atas 51% saham syarikat Asian Business Software Solutions Pte Ltd yang berpengkalan di Singapura dan pengambilalihan Dagang Nexchange Bhd (DNeX), yang sebelum ini dikenali sebagai Time Engineering Bhd melalui pelan penjualan aset GLC. Program ini turut membantu DNeX mengambilalih OGPC Sdn Bhd dan syarikat Ping Petroleum Ltd yang berpengkalan di United Kingdom.

Menerusi program SJJB, syarikat-syarikat berikut telah meningkatkan ekuiti mereka secara ketara melalui pertumbuhan permodalan pasaran:

PLC	Modal Pasaran ketika Disenaraikan (RM)	Modal Pasaran @ 31 Mac 2017 (RM) +/-
Prestariang Bhd – 6.2x	180 juta	1.118 bilion
Datasonic Group Bhd – 9.45x	180 juta	1.701 bilion
Dagang NeXchange Bhd – 3.7x	180 juta	688 juta
GFM Services Bhd – 1.85x	162 juta	300 juta
Serba Dinamik Holdings Bhd – 1.2x	2 bilion	2.4 bilion



CENSOF HOLDINGS BERHAD

Censof Holdings Berhad (Censof) yang ditubuhkan pada tahun 2008 merupakan salah sebuah syarikat Bumiputera terulung di dalam industri perakaunan dan teknologi. Censof juga turut memiliki portfolio yang giat berkembang dengan pelbagai usahasama yang dijayakan bersama para pelanggannya dalam sektor swasta dan kerajaan.

Perniagaan Censof boleh dibahagikan kepada enam cabang utama iaitu:

- Perisian Akaun Industri Kecil dan Sederhana (IKS)
- Sistem Gerbang Pembayaran
- Sistem IT dan Teknologi
- Sistem Pengurusan Portfolio dan *Unit Trust*
- *National Single Window*, Minyak dan Gas, dan Tenaga
- Perisian Pengurusan Kewangan *Enterprise*

Cabang perniagaan Censof yang menjana keuntungan tertinggi iaitu Perisian Pengurusan Kewangan Enterprise, menyediakan solusi dan perkhidmatan penyelenggaraan untuk sebahagian besar agensi-agensi Kerajaan Persekutuan. Kesemua Solusi Perisian Censof adalah disahkan, dan merupakan harta intelek (IP) Censof, serta dilengkapi dengan ciri Goods and Services Tax (GST) yang telah dibangunkan sendiri oleh pasukan R&D Censof.

Pada 2015, Censof mengambilalih 51% Asian Business Solutions Software Ltd (ABSS), Singapura dalam langkah meluaskan operasi dan pasarannya (ABSS mempunyai 340,000 pelanggan di 11 negara seluruh Asia). Pengambilalihan ini menambah jumlah syarikat yang diambil alih oleh Censof sejak 2012, termasuklah 60% pengambilalihan PT Praisindo Teknologi, sebuah syarikat pengurusan laman sesawang di Jakarta, Indonesia serta pengambilalihan 80% Knowledgecom Corporation Sdn Bhd, sebuah syarikat pembangunan modal insan yang menyediakan latihan dan pengiktirafan kepada graduan, kakitangan kerajaan dan pekerja profesional. Censof juga

mengambilalih 49.2% Dagang NeXchange Berhad (DNeX) (sebelum ini dikenali sebagai Time Engineering Sdn Bhd) pada 2015.

Censof mahu membantu Kerajaan menguasai pasaran eksport dan meningkatkan tahap kecekapan dari segi teknologi.

“Nasihat kami kepada usahawan usahawan lain, ialah sentiasa bangunkan produk anda dan sentiasa menitikberatkan penambahbaikan agar sentiasa berupaya berdaya saing untuk jangkamasa panjang.”

“Terdapat banyak peluang perniagaan di Malaysia di dalam industri teknologi. Usahawan haruslah bersikap positif dan terbuka terhadap teknologi-teknologi baru seperti *cloud technology*, *mobile technology* dan *Internet of Things*. Teknologi-teknologi sebeginilah yang akan menerajui perniagaan abad ke-21 ini.”

Datuk Samsul Husin



DR ABU HASAN ISMAIL

PRESTARIANG BERHAD

Ditubuhkan pada 2003, kini Pestariang tampil menerajui bidang bakat, teknologi dan pendidikan di Malaysia. Prestariang memberi tumpuan dalam menyediakan rangkaian holistik perkhidmatan ICT untuk bakat & lesen perisian, teknologi dan perkhidmatan serta pendidikan melalui Universiti Malaysia, Sains Komputer & Kejuruteraan (UniMy). Perniagaan kami meliputi rangkaian perkhidmatan lengkap termasuk latihan bakat & pensijilan, pemerolehan bakat dan pengurusan, pengedaran lesen perisian dan perkhidmatan pengurusan, pengurusan aset perisian serta perkhidmatan teknologi.

Sebagai salah satu syarikat di bawah SJB, Prestariang berhasrat meluaskan operasi di pasaran ASEAN. Setelah disenaraikan di Bursa Malaysia pada 2011, syarikat ini tersenarai di FTSE Bursa Malaysia *Fledgling Index* pada Disember 2011 dan Indeks FTSE4Good Bursa Malaysia 2014. Prestariang juga dinamakan *Best Under A Billion* 2013/2014 oleh Forbes Asia, Pemenang Anugerah Kecemerlangan Industri (Kategori Perkhidmatan ICT) daripada MITI dan disenaraikan dalam *Top 100 ASEAN Corporate Scorecard for 2014* dikeluarkan Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).

Pestariang berhasrat menjadi syarikat berasaskan bakat dan teknologi yang menyediakan solusi dan perkhidmatan ICT di peringkat antarabangsa.

Fakta pantas Prestariang:

Tersenarai di  **Bursa Malaysia** pada **2011**

- Syarikat ini tersenarai di FTSE Bursa Malaysia *Fledgling Index* pada Disember 2011 dan Indeks FTSE4Good Bursa Malaysia 2014
 - Dinamakan ***Best Under A Billion*** 2013/2014 oleh Forbes Asia
-



DATUK HAJI ABU HANIFAH NOORDIN

DATASONIC GROUP BERHAD

Datuk Haji Abu Hanifah Noordin adalah Pengarah Urusan dan Pengarah Eksekutif Datasonic Group Bhd. Datasonic terlibat dalam penyediaan penyelesaian ICT termasuk perkhidmatan kad pintar (berasaskan cip ID selamat seperti kad kredit/debit/bank), penyesuaian perisian dan perkakasan penyelesaian, pengurusan projek, perundingan, penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan perkhidmatan perundingan teknikal.

Beliau berkelulusan dari Universiti Malaya dengan ijazah kepujian dalam bidang Ekonomi dan merupakan seorang akauntan dengan pengalaman lebih daripada 20 tahun. Pada tahun 2005, Datuk Hanifah mengambil alih Dibena Enterprise dan pada tahun 2006 telah mengambil alih Datacard QSS Sdn Bhd (kini dikenali sebagai Datasonic Corporation). Ini diikuti dengan pengambilalihan Datasonic Technologies (sebelum ini dikenali sebagai Guthrie Technologies Sdn Bhd) setahun kemudian pada tahun 2007.

Pengalaman yang luas di bidang kewangan dan perniagaan telah membantu beliau untuk mengembangkan serta memperluaskan Datasonic Group Berhad penyediaan ID dan perkhidmatan kad pintar kepada pelbagai produk dan perkhidmatan merangkumi projek-projek kerajaan seperti MyKad, MyKid dan Passport, perkhidmatan ICT, pengurusan projek, penyediaan perisian ICT bersepadu dan sistem perkakasan dan penyelesaian termasuk sistem pemantauan bandar bersepadu atau lebih dikenali sebagai *Safecity*.

Seorang yang berpandangan jauh, beliau telah menyertai SJJB untuk menyenaraikan syarikatnya ke pasaran saham. Pada tahun 2012 dengan bantuan SJJB, Datasonic telah disenaraikan di pasaran saham. Datasonic mempunyai permodalan pasaran sebanyak lebih RM1 bilion dan mempunyai lebih 500 orang kakitangan.

Beliau kini menumpukan perhatian terhadap penyelidikan dan pembangunan produk berasaskan teknologi seperti bateri nano, kereta elektrik dan sistem informasi hospital (*e-health*). Datuk Hanifah juga dalam perancangan untuk melebarkan perniagaannya ke peringkat antarabangsa.

Fakta pantas Datasonic:

Tersenarai di 
Bursa Malaysia
pada **2012**



modal saham
RM1 bilion



500 pekerja



DATUK AZRIN MOHD NOOR

SEDANIA INNOVATOR BERHAD

Sedania Innovator pada asasnya merupakan sebuah syarikat pegangan pelaburan manakala Kumpulan Sedania Innovator pula terlibat dalam perniagaan yang berkaitan dengan telekomunikasi dan IT termasuk produk multimedia dan aktiviti lain yang berkaitan.

Datuk Azrin Mohd Noor adalah pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Sedania. Beliau memberitahu bahawa cabaran besar yang terpaksa dihadapi ialah mencari individu yang mempunyai kepercayaan dan inovasi yang tinggi supaya dapat merealisasikan impian untuk melahirkan satu produk yang menepati kemahuan pengguna.

Visi utama beliau untuk syarikat ini ialah menyediakan platform atau produk yang memenuhi keperluan dan impian pengguna secara berterusan walaupun selepas ketiadaan beliau. Kerjasama antara Sedania Innovator dengan TuneTalk di platform Airtime Share merupakan pencapaian syarikat yang terbaharu. Kerjasama ini bertujuan untuk membolehkan perkongsian tempoh bual kepada pelanggan mudah alih prabayar TuneTalk. Selain itu, perkongsian ini bakal menjadi pemangkin untuk merangsang idea-idea yang lebih inovatif pada masa depan.

Program SJJB telah membantu menyediakan khidmat nasihat komprehensif dan memberikan impak yang besar apabila syarikat ini berjaya disenaraikan di Pasaran ACE Bursa Malaysia Securities pada 29 Jun 2015. Program ini juga turut memberikan pandangan dan memperkenalkan senarai institusi pelabur yang berpotensi bagi memastikan syarikat mempunyai pelbagai kumpulan pelabur untuk menyertai rancangan IPO syarikat.

Beliau berharap program ini akan terus dijalankan bagi memastikan keberkesanan inisiatif-inisiatif agenda Bumiputera, memperhebatkan pembangunan perniagaan, meningkatkan penyertaan ekonomi dan ekuiti Bumiputera untuk tempoh jangka panjang. Program SJJB ini dapat membantu Bumiputera memasuki pasaran yang berkaitan dan berkembang di kawasan baharu apabila pasaran yang sedia ada sudah mulai berkurang. Beliau turut menitipkan nasihat kepada usahawan yang bercita-cita tinggi supaya fokus kepada satu impian yang khusus dan bekerja keras untuk merealisasikannya.



TERAS

Program TERAS telah diperkenalkan pada tahun 2011 untuk mengenal pasti dan membangunkan syarikat-syarikat Bumiputera yang mempunyai potensi prestasi tinggi. Syarikat dipilih berdasarkan kemampuan mereka memenuhi kriteria berikut:

Syarikat Bumiputera

yang mempunyai rekod kewangan yang baik

Pendapatan minimum

RM10 juta

setiap tahun untuk tiga tahun berturut-turut

Untung bersih dikekalkan tiga tahun berturut-turut

Sekurang-kurangnya

60%

pemilikan Bumiputera

Selain itu, syarikat itu tidak boleh tergolong daripada subsidiari GLC atau MNC (namun syarikat bersekutu layak memohon) dan perlu mempunyai penilaian SCORE tiga bintang dan ke atas (diberikan oleh SME Corp, MDEC, CIDB atau badan-badan tauliah lain). Syarikat itu juga perlu melantik Bumiputera sebagai CEO atau pengarah urusan, dan ahli lembaga/badan pengurusan haruslah dilantik dari kalangan Bumiputera. Keutamaan diberikan kepada syarikat yang terlibat dalam mana-mana Bidang Keutamaan Ekonomi Negara di bawah Program Transformasi Negara dan syarikat tersebut mestilah mempunyai penilaian kredit yang baik.

Untuk menilai impak program TERAS, perunding bebas mendapati 76% daripada 626 syarikat TERAS yang dikaji selidik mempunyai kadar pertumbuhan pendapatan melebihi kadar sektor masing-masing, pecahan prestasi menurut sektor tertera seperti berikut:

Pecahan syarikat TERAS yang mengatasi kadar pertumbuhan pendapatan purata sektor masing-masing (%)





DATUK SERI MOHD EFFANDIE AHMAD

M.S. TIME SDN.BHD

M.S. Time Sdn. Bhd. (M.S. Time) merupakan sebuah syarikat yang terlibat dalam perniagaan jentera pengangkut berat sejak ditubuhkan pada 1955. Perkhidmatan syarikat merangkumi pelbagai industri termasuklah minyak dan gas, loji janakuasa, simen, besi dan keluli, marin, pembinaan dan sebagainya.

Datuk Seri Mohd Effandie Ahmad, pengasas M.S. Time kini boleh berbangga dengan pencapaian syarikat sejak menubuhkan syarikat 21 tahun lepas dan hanya mempunyai lima orang pekerja, syarikat kini sudah boleh menggajikan pekerja seramai 300 orang yang majoritinya adalah pekerja Bumiputera. Malah, M.S. Time juga mempunyai cawangan di seluruh Malaysia termasuklah di Pulau Pinang, Miri, Terengganu, Lumut, Labuan, Johor dan beberapa buah cawangan di Kuala Lumpur.

Semangat untuk menjadi usahawan terbit atas kesedaran beliau untuk melakukan dan menyumbang lebih daripada apa yang dibuat ketika itu. Dengan semangat itulah, beliau menubuhkan syarikat sendiri dan kini berupaya bersaing di pasaran tempatan.

Dalam usaha memasuki pasaran baru, M.S. Time memohon pembiayaan daripada TERAJU, dan menerusi program TERAJU dan Dana Mudahcara, M.S. Time mampu meningkatkan jumlah jenteranya kepada 30 unit skylift dan 38 unit forklift. Penambahan jentera ini akan membuka peluang-peluang perniagaan baharu dan membolehkan syarikatnya bersaing dengan syarikat-syarikat besar lain.

Sebagai usahawan, Datuk Seri Effandie berpendapat bahawa syarikat Bumiputera tidak seharusnya hanya bergantung kepada projek-projek kerajaan sebaliknya meneroka pasaran atau peluang perniagaan di sektor swasta. Beliau juga berpesan kepada usahawan-usahawan baharu agar jujur, komited dan fokus terhadap perniagaan

mereka. Pada masa yang sama, usahawan juga perlu cekal dan jangan mudah menyerah kalah ketika berhadapan dengan cabaran. Malah beliau juga bersedia membantu dan membimbing usahawan-usahawan baharu yang ingin mempelajari tentang selok belok perniagaan.

“Selama 15 tahun bekerja dengan bukan Melayu, saya terfikir mampukah saya membantu kaum saya? Mampukah saya beri pelajaran kepada anak-anak saya tanpa mengharap bantuan kerajaan? Kalau bekerja dengan syarikat bukan Bumiputera saya mampu membawa jumlah jualan yang memberangsangkan sehingga syarikat semakin maju, mengapa tidak saya menubuhkan syarikat sendiri?”

Datuk Seri Mohd Effandie Ahmad



RITA SARBANI BINTI ISMAIL

AUEI TERAS HOLDINGS SDN. BHD.

Syarikat ini yang beribu pejabat di Kota Bharu, Kelantan ditubuhkan pada 2005 dan terlibat dalam pembangunan dan pelaburan hartanah. Setakat ini, AUEI telah berjaya mengendalikan dan menyiapkan projek bernilai lebih daripada RM25 juta. Manakala projek yang masih sedang berjalan pada ketika ini bernilai lebih daripada RM35 juta.

Di antara kejayaan hebat AUEI adalah membangunkan University Garden Condominium dan Bazar Dragon Hypermarket yang terletak di Kok Lanas, Kelantan. Selain itu, AUEI juga memiliki anak syarikat yang terlibat dalam bidang latihan vokasional iaitu Astonians International College of Skills and Technology yang diiktiraf oleh Kementerian Sumber Manusia.

AUEI berjaya dipilih menyertai program TERAS di bawah TERAJU pada tahun 2014 dan kini mula terlibat dengan projek bernilai lebih dari RM300 juta.

Sebagai bukti kejayaan syarikat itu, Rita telah dianugerahkan *People Development Award* di bawah kategori Usahawan Wanita anjuran International Business Review Summit 2016. Menurut beliau, terdapat tiga faktor utama menyumbang kepada kejayaan AUEI: pengurusan bakat, peruntukan dana untuk membesar dan mengukuhkan perniagaan serta pelan promosi dan pemasaran yang baik.

“Peranan paling besar dalam memastikan syarikat terus berdaya saing dan berdaya tahan bukan datang daripada TERAJU, tetapi datang daripada diri sendiri. Kita harus merebut segala peluang yang ada untuk mengangkat kejayaan ketahap tertinggi,” ujar beliau.

“Usahawan tidak harus menunggu projek daripada kerajaan, tetapi mencipta sendiri projek untuk dilaksanakan. Semua syarikat mestilah bercita-cita menjadi *game changer* atau *key player* dalam industri.”

Rita Sarbani binti Ismail



Keusahawanan

Inisiatif-inisiatif di bawah teras keusahawanan ditumpukan kepada pembiayaan untuk mengembangkan perniagaan. Ini dilakukan secara langsung melalui TERAJU serta kerjasama dengan rakan-rakan institusi. Inisiatif-inisiatif ini telah menyumbang kepada pembangunan kapasiti usahawan dan perniagaan serta memupuk daya saing. Inisiatif ini menyasarkan perkembangan pertumbuhan usahawan dengan tujuan menyediakan usahawan menghadapi pasaran global. Pada masa yang sama, sokongan untuk usahawan turut membantu membentuk peluang bekerja sendiri, yang merupakan satu lagi matlamat pembangunan usahawan Bumiputera.



SUPERB

Skim Usahawan Permulaan Bumiputera (SUPERB) diperkenalkan pada tahun 2014 untuk memberi galakan inovasi kepada usahawan dan membantu permulaan perniagaan dengan menyediakan geran bernilai sehingga RM500,000 kepada usahawan muda. Sehingga kini, 6,255 peserta telah menyertai pertandingan tersebut dan 125 pemenang telah menerima dana sebanyak RM62.5 juta. Dana diberikan untuk membolehkan pemenang mengunjurkan konsep perniagaan serta menguji potensi pasaran bersesuaian.

Selain menawarkan dana, SUPERB turut menawarkan perkhidmatan pembangunan dan pengkomersilan, bantuan bimbingan (*mentorship*), latihan menambah baik kecekapan, dan kemungkinan pertambahan dana dari Rakan Kongsi Strategik TERAJU. TERAJU kini mempunyai 10 rakan kongsi,

termasuk Bioeconomy Development Corp, Cradle Fund, Kumpulan Modal Perdana (KMP), Malaysia Venture Capital Management Berhad, Malaysia Digital Economy Corporation (MDeC), Malaysia Debt Ventures, Malaysia Technology Development Corporation (MTDC), MyCreative Ventures (MCV), PUNB dan Technology Park Malaysia. Dari semasa ke semasa, TERAJU akan melantik rakan kongsi strategik baru mengikut kesesuaian.

Selari dengan prinsip BETR, pemenang SUPERB dipilih berdasarkan merit oleh panel yang terdiri daripada pemilik perniagaan dan usahawan yang telah berjaya menempa nama dalam bidang mereka.

Para pengadil termasuk:

- | | |
|---|--|
| 1. YBhg. Datuk Wira (Dr) Hj Ameer Ali bin Mydin | MYDIN Mohamed Holdings Berhad |
| 2. YBhg. Tan Sri Rozali Ismail | Puncak Niaga (M) Bhd |
| 3. YBhg. Dato' Kamarudin Meranun | AirAsia Berhad |
| 4. YBhg. Dato' Norman bin Abdul Halim | KRU Capital Sdn Bhd |
| 5. YBrs. En. Afzal Abdul Rahim | Time dotCom Berhad |
| 6. YBhg. Dato' Hazimah Zainuddin | Hyrax Oil Sdn Bhd |
| 7. YBhg. Datuk Awang Buhtaman | DPMM Sabah |
| 8. YBhg. Datuk Mohd. Khay Ibrahim | Zikay Group Sdn Bhd |
| 9. YBrs. Tuan Haji Ali bin Hassan | Al-Ikhsan Sports Sdn. Bhd |
| 10. YBrs. Syahrizam Samsudin | Touch 'n Go Sdn Bhd |
| 11. YBhg. Datuk Noor Azrin bin Mohd Noor | Sedania Group Sdn Bhd |
| 12. YBhg. Datuk Seri Haji Syed Zainal Abidin | WiEdu Sdn Bhd |
| 13. YBhg. Datuk Noraini Soltan | Sipro Plastic Industries Sdn Bhd |
| 14. YBrs. En. Mohd Nizam Abd Razak | Animonsta Studios Sdn Bhd |
| 15. YBrs. En. Rashdan Ramlee | Netcarbon Corporation |
| 16. YBrs. En. Syed Naqiz Shahabuddin | Bumiputra Retailers Organization (BRO) |
| 17. YBhg. Dato' Haji Ramly Mokni | Ramly Food Processing Sdn. Bhd. |
| 18. YBhg. Datuk Ir. Guntur Tobeng | Gading Kencana Sdn. Bhd. |



MUHAMAD NURUZON WAGIMAN

26 Tahun
Muar, Johor

NURUZON TECHNOLOGY RESOURCES SDN. BHD.

Peribahasa ke mana tumpahnya kuah, kalau tidak ke nasi merupakan gambaran yang tepat buat Muhamad Nuruzon, yang merupakan penerima anugerah geran SUPERB.

Beliau adalah pewaris kepada legasi bapanya, Wagiman Dulahabedi atau Wak Wagiman yang sememangnya terkenal di seluruh negara sebagai inovator kerana kejayaannya mencipta jentera gerabak untuk kegunaan pertanian daripada barang-barang kitar semula sejak tahun 2001.

“Bapa saya hanya belajar sampai darjah enam tetapi beliau berjaya mencipta trak serbaguna daripada besi terpakai dan menjualnya dengan harga yang berpatutan bagi membantu para peladang persendirian yang tidak mampu membeli jentera pengangkut gerabak yang sedia ada di pasaran.

"Saya sendiri hanya berkelulusan SPM dan banyak menghabiskan masa di bengkel-bengkel untuk mempelajari cara-cara membaiki pelbagai jenis kenderaan. Sememangnya, saya mempunyai minat yang mendalam terhadap bidang automatif dan bercita-cita untuk menghasilkan jentera-jentera serbaguna yang boleh dieksport ke luar negara," kata Mohd Nuruzon.

Melalui geran SUPERB, beliau telah berjaya menubuhkan Nuruzon Technology Resources Sdn Bhd pada tahun 2015; membuat sebuah bengkel baharu yang lebih bersistematik dan mempunyai Prosedur Pengendalian Standard (SOP) dalam pembuatan jentera gerabak; serta membeli pelagai peralatan yang diperlukan untuk membuat gerabak.

"Saya amat berterima kasih kepada TERAJU kerana memberi saya peluang keemasan ini untuk memperkembangkan dan menambah baik penciptaan jentera gerabak saya yang diharapkan dapat memberi impak positif kepada komuniti peladang." Setiap gerabak

yang dihasilkan oleh Muhamad Nuruzon adalah unik kerana 80% bahan yang digunakan adalah daripada besi terpakai. Jentera-jentera serba guna ini mampu membawa muatan sebanyak dua hingga tiga tan.

"Kami banyak menggunakan peralatan tangan dalam proses pembuatan jentera gerabak ini. Contohnya, jika kami mahu membentuk besi bulat, maka besi itu akan diketuk menjadi bulat manakala untuk memotong besi plat, kami gunakan 'grinder'. Namun begitu, kami mampu menyiapkan tiga buah jentera dalam satu masa.

"Syarikat ini sedang dalam proses menguji ciptaan terbaharu kami iaitu jentera membersihkan ladang yang menggunakan penggelek seberat 1.5 tan untuk memampatkan rumput sekali gus membolehkan para petani membersihkan kebun seluas satu ekar dalam masa satu hari sahaja," ujarinya penuh bangga.



NURHIDHAS SDN. BHD. (CIPELA SHOES)

Sebagai seorang akauntan, sebahagian besar waktu siangnya dipenuhi dengan angka-angka manakala sebahagian besar waktu malamnya dipenuhi dengan impian yang akhirnya bertukar menjadi realiti.

Kegilaan Nur Hidayah Hassan, pengasas Nurhidhas Sdn Bhd terhadap kasut bermula sejak beliau berumur lima tahun lagi apabila pertama kali dihadiahkan kasut kulit oleh ibunya ketika menyambut Hari Raya. Kebetulan rumahnya ketika menetap di Bosnia Herzegovina semasa zaman remajanya di sana berhampiran dengan sebuah kilang kasut sekali gus menyemarakkan lagi impiannya untuk mencipta kasut keluaran tempatan yang mencapai tahap antarabangsa.

NUR HIDAYAH HASSAN

29 Tahun
Kuala Lumpur

“Setelah 12 tahun menetap di Eropah, saya pulang ke Malaysia lima tahun lepas dan membina kerjaya sebagai seorang akauntan. Ketika itu, saya mula mencipta kasut buatan sendiri secara sambilan dengan modal yang agak kecil. Saya dapati amat sukar untuk membina sebuah jenama kasut, jadi saya mulakan dengan mencipta label fesyen bernama HiDY yang memfokuskan kepada fesyen gaun jubah ala-kurti yang diperbuat daripada kain kapas dan linen berkualiti tinggi.

“Saya sangat aktif dalam jualan langsung, dan menyertai bazaar dan pameran bagi memperkenalkan jenama saya di pasaran. Ia membantu saya mengumpul pelanggan yang ramai dan selepas setahun melakukannya secara sambilan saya mempunyai aliran tunai yang lebih besar dan memutuskan untuk meneruskan secara sepenuh masa,” ujarnya.

Mendapat inspirasi daripada seni pertukangan kasut Itali, Nur Hidayah memfokuskan sepenuhnya kepada pembuatan kasut dan mengeluarkannya dalam skala yang kecil bergantung kepada pesanan pelanggan. Beliau menjual kasut-kasut buatan tangannya di bawah jenama CIPELA Shoes dan dipromosikan bersama-sama dengan jenama HiDYnya melalui sebaran mulut dan media sosial seperti Instagram dan Facebook.

“CIPELA itu sendiri bermaksud kasut dalam bahasa Bosnia, Croatia, Serbia dan Brazil. Memakai kasut hasil buatan tangan dalam kehidupan seharian merupakan norma bagi masyarakat di Eropah dan saya punyai impian untuk melihatnya dipraktikkan di sini juga.

“Saya mempunyai idea untuk membuat kasut menggunakan warisan tradisional kebanggaan kita seperti batik dan songket yang setaraf dengan kehalusan kerja tangan kasut buatan Eropah dan bercita-cita untuk memasarkannya di dalam dan luar negara,” ujar Nur Hidayah.

“Saya bersyukur memenangi geran SUPERB kerana dana yang diterima telah membantu saya untuk mempertingkatkan peralatan dan mesin pembuatan kasut saya. Ini adalah kerana kami menggunakan bahan berkualiti tinggi yang diimport dari pelbagai negara dan penggunaan kulit untuk menghasilkan kasut juga ialah daripada kulit berkualiti tinggi.

“Dengan geran SUPERB juga, saya telah dapat meningkatkan pengeluaran kasut selain membantu dalam pelan aktiviti-aktiviti penambahbaikan, pengeluaran dan pemasaran saya. Ia juga telah membuka lebih banyak peluang untuk saya menjalin hubungan dengan pelbagai agensi kerajaan lain yang dapat membantu mengembangkan perniagaan saya ini,” jelasnya.

CIPELA kini mempunyai lebih 200 reka bentuk kasut pelbagai kategori terdiri daripada kasut berfesyen untuk pemakaian harian, majlis tertentu dan kasut yang mengetengahkan warisan tradisional songket dan batik.

Memenangi *Broadband and Empower Entrepreneur Award* yang dianugerahkan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) pada tahun lalu, Nur Hidayah telah membuka butik utama CIPELA yang pertama di Bangsar Shopping Centre dan berhasrat untuk mengembangkan perniagaannya ke luar negara.

“Saya berharap agar dapat membuka butik CIPELA di luar negara dan mempunyai rakan-rakan kongsi antarabangsa dalam usaha mengkomersialkan kasut buatan tangan ciptaan kami menjelang tahun 2017,” jelasnya lagi.

“Kepada usahawan-usahawan baharu, fokuskan kepada kelebihan dan kekuatan yang ada pada diri anda dan kenali dan fahami pasaran sasaran anda,” nasihat Nur Hidayah.

WATERBAY SDN. BHD.

Minat yang mendalam terhadap keusahawan telah mendorong Mohd Azhan Ahmad yang berasal dari Pulau Pinang untuk menceburi dunia perniagaan seawal umur 25 tahun. Beliau telah menjalankan pelbagai jenis perniagaan sebelum berjaya menubuhkan syarikat Waterbay Sdn Bhd yang merupakan pembekal alatan pergigian.

Selepas 16 tahun mengusahakan syarikatnya, beliau boleh sahaja menikmati kejayaan yang dicapai apatah lagi produk-produk yang dibekalkan terus mendapat kepercayaan pelanggan terutamanya Kementerian Kesihatan Malaysia (Bahagian Pergigian) kerana kualitinya yang tinggi. Namun begitu, Mohd Azhan tetap mempunyai obsesi terhadap perniagaannya yang mengagumkan pekerjaanya.

"Obsesi saya bermula semasa bekerja dengan sebuah syarikat swasta yang memasarkan pelbagai produk pergigian termasuk kerusi rawatan mudah alih yang banyak digunakan di klinik-klinik dan sekolah-sekolah di kawasan pedalaman. Saya terfikir untuk menghasilkan



MOHD AZHAN AHMAD

41 Tahun
Pulau Pinang

kerusi rawatan mudah alih automatik atau 'stühl' ini setelah mendapati bahawa dua orang diperlukan untuk tujuan pemasangan kerusi mudah alih tersebut dan ia memakan masa yang lama," katanya.

Memenangi geran SUPERB membolehkan beliau menambah bilangan ahli-ahli R&D-nya dan membesarkan bahagian kejuruteraan syarikat serta menambah bilangan jurutera dan pereka yang terbaik dalam bidang masing-masing.

“Dengan bantuan geran SUPERB, kami berjaya menghasilkan produk inovatif ‘Stuhl’ 2.0 iaitu kerusi rawatan mudah alih automatik yang pertama dihasilkan di Malaysia. ‘Stuhl’ yang kami cipta ini mempunyai reka bentuk yang lebih ergonomik, kompak, berkualiti tinggi dan mesra pengguna, sekali gus memberi keyakinan kepada kami untuk berusaha memasarkan produk ini di pasaran global,” ujar Mohd Azhan.

“TERAJU bukan sahaja memberi bantuan daripada segi dana tetapi juga memberi bimbingan dan sokongan daripada segi latihan kemahiran dan membuka peluang kami meluaskan jaringan kerja dengan agensi-agensi lain.

“Peluang untuk memenangi geran TERAJU bukanlah sesuatu yang mudah kerana saya terpaksa mencuba sebanyak empat kali bagi menyakinkan ahli-ahli panel TERAJU mengenai obsesi saya ini. Alhamdulillah, tanpa putus asa, saya berjaya ke pusingan akhir dan memenangi geran ini pada cubaan yang kelima,” ujarnya tersenyum.

Mohd Azhan kini bangga kerana obsesinya telah membawa kepada kejayaan menghasilkan kerusi rawatan mudah alih automatik yang membolehkan program-program derma darah dan rawatan pergigian di luar klinik atau hospital dapat dilaksanakan dengan lebih selesa. “Kami berhasrat untuk menjadi pelopor kepada produk-produk perubatan atau pergigian berteknologi tinggi bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di pasaran antarabangsa,” tambahnya lagi.

Menurut Mohd Azhan, untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya, seseorang itu perlu berjiwa besar, bersifat cekal dan tabah serta tekun dalam menghadapi dunia perniagaan yang penuh pancaroba.

CARVE-OUT & COMPETE

Carve-Out dan Compete

Kejayaan *Carve Out & Compete* telah dimulakan dengan kerjasama TERAJU dan MRT Corp. untuk mengenal pasti pakej kerja untuk pelaksanaan projek MRT Fasa 1 (Sungai Buloh – Kajang) yang boleh diberikan kepada pemaju-pemaju Bumiputera. Sebanyak 372 buah syarikat Bumiputera berjaya mendapat pakej-pakej kerja ini yang bernilai RM10.6 bilion, bersamaan dengan 50% daripada pakej kerja keseluruhan. Ini merupakan lebih daripada sasaran awal sebanyak 43%.

Susulan kejayaan projek ini, program *Carve-Out & Compete* juga telah dilaksanakan untuk projek-projek berikut;

- MRT Laluan 1
- MRT Laluan 2
- Menara Warisan Merdeka
- Pusat Bandaraya Bukit Bintang
- Institut Kajian Pembangunan Getah, RRM (Sungai Buloh)
- Pusat Pameran Antarabangsa Malaysia (*Malaysia International Exhibition Centre* – MITEC)

- Projek-projek di bawah seliaan EMKAY Group
- Pusat Kecemerlangan Lembaga Getah Malaysia
- Lebuhraya Pantai Barat (*West Coast Expressway*)
- Lebuhraya Damansara-Shah Alam
- Lebuhraya Bertingkat Sungai Besi-Ulu Kelang
- Lebuhraya Pan Borneo Sabah & Sarawak
- LRT3

Secara kumulatif, Program *Carve-Out & Compete* telah mengenal pasti peluang penyertaan syarikat Bumiputera dalam 13 projek mega yang bernilai RM54.24 bilion. Lebih penting lagi, program ini memberi peluang kepada syarikat Bumiputera untuk membina kapasiti dan kemahiran mencukupi untuk bersaing dalam bahagian *non-carved out* untuk pakej-pakej kerja projek. Program *Carve Out dan Compete* telah berkembang melangkaui lebih daripada komponen pembinaan awam dan kini termasuk komponen lain seperti pakej perisian/sistem dan kawasan runcit.

EXQUISITE RESOURCES SDN BHD

Ditubuhkan pada tahun 1992, Exquistite Resources Sdn Bhd merupakan antara syarikat yang dianugerahkan kerja pembinaan projek MRT Line 1 daripada MRT Corp melalui program *Carve-Out and Compete*.

Menceburi perniagaan sektor pembinaan pada tahun 1994, syarikat ini berjaya memperolehi pelbagai projek sektor awam, melengkapinya dengan pengalaman yang diperlukan untuk menguruskan kerja-kerja yang lebih besar seperti projek MRT.

“Pencapaian syarikat kami daripada kerja-kerja pembinaan berstatus mega yang dapat memberikan pengalaman yang baharu kepada syarikat, pengurusan dan pekerja di mana kami juga mendapat latihan tentang pengurusan projek, keperluan keselamatan, dokumentasi, dan perbincangan untuk mengendalikan projek,” ujar Hj Khalit bin Adam, Pengarah di Exquisite Resources.



“Nasihat kami kepada usahawan-usahawan lain supaya menjadikan bidang perniagaan pembinaan sebagai satu sektor perniagaan yang luas dan kepada para usahawan yang ingin menceburinya mestilah bersedia untuk belajar dan bekerjasama. Ilmu pengetahuan dan kepakaran bidang hendaklah diutamakan supaya tidak tersasar dengan hanya mengejar nilai semata-mata.”

Hj Khalit bin Adam

NAZA ENGINEERING & CONSTRUCTION SDN BHD (NAZA EC)

Naza Engineering & Construction Sdn Bhd (Naza EC) telah ditubuhkan sebagai pelengkap kepada perniagaan Kumpulan Syarikat Naza TTDI (Naza TTDI) untuk memenuhi keperluan industri pembinaan semasa serta memenuhi kehendak pengguna dari segi kualiti produk, perkhidmatan yang cemerlang dan mencapai kepuasan pengguna. Pengurusan tertinggi NAZA EC terdiri daripada pelbagai kakitangan yang berpengalaman di dalam aspek pengurusan projek dan pembangunan hartanah. Berdasarkan pengalaman di dalam pengurusan perniagaan dan kepakaran kejuruteraan serta infrastruktur awam, ianya menyediakan asas yang kukuh kepada syarikat NAZA EC untuk memperkembangkan perniagaan di dalam negara serta ke peringkat antarabangsa.

Berikut adalah pencapaian syarikat sehingga kini (Anugerah & Sijil Penghargaan):

- Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Gred 7



- Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)
- Taraf Bumiputera oleh Kementerian Kerja Raya Malaysia (KKRM)
- 4 Bintang (SCORE) bagi tahun 2016
- NIOSH Certification Sdn Bhd bagi kategori berikut:
 - o Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001: 2008
 - o Sistem Pengurusan Alam Sekitar ISO 14001:2004
 - o Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan MS1722:2011
 - o Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan OHSAS 18001:2007

- Anugerah Projek Terbaik (Building Project-Major, Naza Tower Platinum Park)- The Malaysian Construction Industry Excellence Awards (MCIEA) 2016
- SHASSIC 5 Bintang – MITEC
- 79% Skor QLASSIC – Kajang TTDI Grove Fasa 4
- 74% Skor QLASSIC – Naza Tower Platinum Park

Aspirasi NAZA EC adalah untuk menjadi sebuah syarikat kontraktor utama di dalam industri pembinaan dan hartanah serta melahirkan inovasi nadi terkini untuk menepati kehendak pelanggan melalui pembaharuan rekabentuk dan gaya hidup terkini.

“Inspirasi kami adalah untuk terus mendukung budaya cemerlang dan seterusnya memupuk nilai murni yang boleh diwarisi dan dibanggakan oleh generasi baharu.”

Md Arifin bin Naim



Dana Mudahcara

Dana Mudahcara bertujuan untuk menyokong pelaburan persendirian dan swasta oleh Bumiputera dan direka sebagai insentif kepada pemilik projek Bumiputera untuk melabur dalam pembinaan kapasiti dan perkembangan perniagaan dengan menyediakan pembiayaan untuk memacu pelaburan swasta. Diwujudkan dengan kolaborasi Unit Kerjasama Awam-Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri, dana ini menyediakan geran sehingga 15% daripada jumlah kos infrastruktur dan peralatan sebuah projek dengan kos minimum RM500,000 dan had maksima RM30 juta.

Bermula dengan peruntukan kerajaan sebanyak

RM2 bilion,

TERAJU telah meluluskan

RM1.57 bilion

untuk pembiayaan dan menjana pelaburan sebanyak

RM13.18 bilion

dari **469** projek yang mewujudkan **43,371** **peluang pekerjaan.**



ISMAIL ASHA'ARI

SYSTEMATIC AVIATION SERVICES SDN. BHD. (SA)

Selepas menemui kesukaran untuk mendapatkan kemudahan kewangan dari bank-bank komersil, Systematic Aviation Services Sdn Bhd (SAS), syarikat perkhidmatan penerbangan dan pembekal alat ganti dan penyelenggaraan pesawat-pesawat kecil dan helikopter, mampu meluaskan aktiviti *charternya* di Langkawi menerusi bantuan daripada Dana Mudahcara.

Bermula dengan hanya sebuah helikopter pada 2011, syarikat itu kini mempunyai tiga buah helikopter, dengan pelanggan *charternya* terdiri daripada pelancong, serta kakitangan awam dan swasta.

“Apabila pihak kami membuat keputusan untuk membeli helikopter, kami sedar ianya adalah satu pelaburan yang berisiko tinggi. Walau bagaimanapun, kami berpendapat risiko ini dapat dikurangkan kerana SAS memiliki kakitangan teknikal yang berkebolehan dan berkeupayaan untuk menyelenggara helikopter-helikopter ini. Kami mempunyai tenaga kerja yang muda dan komited untuk mempelajari teknologi baharu ini.

"Kami amat berbangga kerana tidak perlu bergantung kepada kepakaran pihak lain atau tenaga asing untuk menyelenggara helikopter-helikopter ini. Ini amat membantu dalam mengurangkan kos operasi. Kepakaran yang ada pada syarikat kini malah turut menarik minat syarikat lain termasuk di negara China," ujar Ketua Pegawai Eksekutif SAS, Ismail Asha'ari.

Syarikat ini berhasrat untuk menyediakan pakej-pakej penerbangan yang lebih menarik seperti Langkawi Island Tour, KL City Tour dan juga perkhidmatan ekopelancongan yang lain. SAS juga bercadang untuk mempromosikan perkhidmatan helikopter sebagai salah satu kaedah pengangkutan alternatif dalam menjalankan tanggungjawab dan tugas masing-masing.

Pesannya kepada usahawan lain:

"Sebagai usahawan kita mesti keluar dari zon selesa dan sanggup meneroka bidang-bidang baharu. Walau bagaimanapun setiap penerokaan hendaklah dilengkapi dengan ilmu dan pengetahuan mendalam tentang produk atau perkhidmatan yang diceburi. Setiap perniagaan mempunyai risiko dan untuk berjaya bergantung kepada bagaimana kita menguruskan risiko tersebut."

Ismail Asha'ari



RAHMAT ISMAIL

BIFORST LOGISTICS SDN. BHD. (BIFORST)

Biforst Logistics Sdn. Bhd. (Biforst) adalah syarikat yang berkembang pesat dengan cara menyediakan "Solusi Logistik" yang bertaraf dunia dengan saiz fleet melebihi 500 unit. Sebahagian daripada pelanggan utamanya adalah Coca-Cola, Nestle, Etika, Zuellig-Pharma dan MSM. Syarikat itu juga merupakan pengedar utama PETRONAS.

Menurut Ketua Pegawai Strateginya, Rahmat Ismail, syarikat itu menerima bantuan daripada TERAJU pada masa yang tepat. Sejak tersenarai sebagai syarikat TERAS pada tahun 2014, syarikat itu telah dibantu dari segi bantuan kewangan, geran Dana Mudahcara dan pelbagai surat sokongan. Ini membolehkan syarikat itu untuk mengembangkan perniagaannya melalui pembelian peralatan, perkakasan dan *fleet* yang diperlukan. Dengan peningkatan kapasiti dan kebolehan, Biforst berjaya mencatatkan pertumbuhan dalam jualan kasar tahunan melebihi 25%, dari tahun 2014 hingga ke 2016. Syarikat kini sedang bersedia untuk disenaraikan di Bursa Malaysia.



“Aspirasi kami ialah untuk melihat Biforst menjadi peneraju logistik Bumiputera yang menyediakan satu rangkaian perkhidmatan yang komprehensif dan bersepadu.”

Rahmat Ismail



AL-KABIR MOHD ALI

SYARIKAT KUMPULAN HAMODAL SDN. BHD.

Syarikat Kumpulan Hamodal Sdn Bhd adalah syarikat Induk kepada Mahir Mewah Sdn Bhd. Kami adalah sebuah syarikat pembangunan hartanah yang telah menjadi pelopor dalam arena penyewaan ruang perindustrian. Majoriti pelanggan kami terdiri daripada syarikat multinasional (MNC) dari pelbagai bidang yang terdiri daripada pembangunan penggudangan, kilang pengeluaran dan ruang pejabat.

Selaku penerima Dana Mudahcara TERAJU, kami berjaya membiayai projek kami di Bukit Raja, Klang, untuk meringankan perbelanjaan modal kami untuk infrastruktur. Kami berjaya mengurangkan kos sewa pajak, sambil menarik lebih banyak syarikat MNC kepada perkhidmatan kami, menjadikan kehadiran mereka di Bukit Raja dan Malaysia berbaloi. Usaha ini juga selaras dengan dasar Kerajaan untuk menggalakkan pelaburan asing secara langsung ke negara ini, mewujudkan kelebihan daya saing, berbanding negara-negara jiran kita.

Syarikat ini bermula dengan membeli hartanah berskala kecil. Selepas 30 tahun berada di industri hartanah ini, kami mampu bersaing dengan syarikat-syarikat besar yang lain yang mana majoritinya diusahakan oleh syarikat bukan Bumiputera. Kami juga mampu bersaing untuk merebut peluang menawarkan perkhidmatan yang terbaik, terutamanya kepada syarikat antarabangsa seperti Nestle Sdn Bhd, Mercedes Benz, Honda, Johnson Control, Kone Elevator dan banyak lagi.

Kami berharap syarikat kami dapat bersaing di pentas global dan dapat membangunkan lebih banyak vendor atau kontraktor Bumiputera dalam bidang pembinaan bangunan dari segi perundingan, sivil & struktur atau mekanikal & kejuruteraan.

“Untuk usahawan di luar sana, saya ingin berkongsi tiga aspek penting yang ditekankan oleh pengasas syarikat kami (Allahyarham Mohd Ali Bawal): risiko sentiasa wujud dalam mana-mana perniagaan, bersainglah secara terbuka dan jangan mudah menyerah kalah, dan pekerja adalah aset kita yang paling penting.”

Al-Kabir Mohd Ali

Pemilikan Aset Bukan Kewangan

Usaha untuk mempertingkatkan nilai pemilikan aset bukan kewangan Bumiputera telah berkembang seiring dengan kegiatan institusi pelaburan dan pemaju hartanah negara, dengan fokus diberikan terhadap membolehkan pemilikan hartanah di kalangan Bumiputera melalui penyediaan kediaman mampu milik.

Pelaburan Hartanah Berhad

Pelaburan Hartanah Berhad (PHB) diwujudkan di bawah Yayasan Amanah Hartanah Bumiputera (YAHB) bagi meningkatkan pemilikan hartanah komersial strategik di kalangan Bumiputera. PHB secara rasminya beroperasi pada tahun 2007 dan kini, portfolio pelaburannya mencecah RM7.2 bilion termasuk hartanah, bank tanah dan projek-projek pembangunan.

Tahun demi tahun, PHB melaksanakan projek pembangunan bernilai tinggi termasuk Pusat Membeli Belah Nu Sentral dan Menara 1Centrum di KL Sentral, Kuala Lumpur yang mencapai nilai pembangunan kasar (GDV) RM1.4 bilion. PHB juga berjaya membina ruang tambahan bangunan Hospital Pakar Gleneagles di Jalan Ampang dengan nilai GDV RM140 juta.

Pada November 2010, PHB melancarkan unit amanah pertama di Malaysia berasaskan hartanah iaitu Amanah Hartanah Bumiputera (ABH), dengan dana permulaan sebanyak RM1 bilion yang dilanggan sepenuhnya dalam masa tiga bulan. Jumlah dana AHB kemudiannya ditambah sebanyak RM500 juta pada tahun 2012 dan RM500 juta pada tahun 2013, dan kini telah mencapai jumlah nilai dana sebanyak RM2 bilion.

PHB merancang untuk meneruskan peningkatan pemilikan hartanah komersial dalam tempoh sepuluh tahun akan datang menerusi pembelian bangunan siap dan projek pembangunan persendirian. PHB juga meletakkan sasaran untuk membangunkan hartanah strategik di Lot 61 Jalan Bangsar yang mempunyai nilai GDV RM5 bilion serta Lot 301 Jalan Conlay yang bernilai RM3 bilion.

Dana AHB dijangkakan akan diperkukuh lagi untuk membuka peluang bagi lebih ramai Bumiputera menyertai unit amanah tersebut.

PR1MA

Perbadanan PR1MA Malaysia ditubuhkan pada 2012 untuk merancang, membangun, membina dan mengekalkan kediaman mampu milik serta berkualiti tinggi supaya dapat memberi peluang kepada rakyat Malaysia yang berpendapatan isi rumah sederhana di kawasan utama bandar untuk memiliki rumah mereka sendiri. Harga rumah ditetapkan antara RM100,000 sehingga RM400,000 yang secara puratanya 20% lebih rendah daripada harga pasaran bagi jenis rumah yang sama.

Rumah yang dibina di bawah PR1MA haruslah mampu untuk dimiliki, serta memenuhi jangkaan bakal pembeli dalam aspek kualiti, lokasi, infrastruktur dan kemudahan.

Pendapatan isi rumah minima RM2,500 ditetapkan sebagai syarat kelayakan untuk membeli rumah di bawah PR1MA agar dapat meningkatkan bilangan pembeli yang layak, lantas menambahbaik kebolehpasaran rumah-rumah PR1MA. Hal ini selaras dengan mandat PR1MA untuk menyediakan 500,000 unit rumah mampu milik kepada golongan berpendapatan sederhana, di mana kini sebanyak 84,000 unit telah siap dibina.

Setakat November 2016, lebih daripada 1.3 juta rakyat Malaysia telah mendaftar untuk mendapatkan rumah PR1MA. Sejak 2013 sehingga Mac 2017, sebanyak 4,243 unit kediaman PR1MA telah dijual.

Selaku salah satu organisasi terbesar dalam industri hartanah Malaysia, PR1MA menyedari kepentingan teknologi dalam pembangunan yang dapat memastikan kemampanan industri.

Untuk mempertingkatkan keberkesanan dan ketepatan perancangan dan pelaksanaan semua projek pembangunan kediaman, PR1MA melancarkan *Building Information Modelling* (BIM) pada 2015. Teknologi BIM memastikan ketepatan kos bangunan, agar tidak berlaku pembaziran bahan-bahan pembinaan dan projek-projek mematuhi jadual pembinaan yang ditetapkan.

PR1MA menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi, membuka peluang pekerjaan dan yang paling penting, membolehkan setiap keluarga di Malaysia memenuhi impian mereka untuk memiliki rumah sendiri.

Memperkukuh Sistem Penyampaian

Sistem penyampaian BETR merupakan aspek utama dalam hala tuju ini bagi memastikan agenda Bumiputera dapat dilaksanakan di peringkat kebangsaan, serta usaha itu dapat dijalankan melepasi skop BETR dan TERAJU. Di bawah BETR 1.0, aktiviti-aktiviti difokuskan kepada penilaian semula instrumen dasar untuk meningkatkan kecekapan, selain memperkenalkan instrumen baru apabila diperlukan. Ini termasuklah memastikan persekitaran perniagaan kondusif bagi usaha konsolidasi dan penswastaan.

Usaha juga difokuskan kepada merasionalisasikan model penyampaian program BETR, misalnya melalui kerjasama dengan pihak berkuasa koridor ekonomi rantau serta GLC dan NGO.

Komponen utama kepada teras ini adalah dengan memperkenalkan UPEB di semua Kementerian. Berikutan itu, sehingga 2016, 93 KPI telah ditetapkan untuk semua 24 Kementerian dan Jabatan Perdana Menteri,

meliputi strategi yang dikenal pasti dibawah Rancangan Malaysia Ke-11. Daripada jumlah keseluruhan ini, 55 KPI telah ditetapkan untuk memperkasa komuniti ekonomi Bumiputera, 24 untuk memperkasa modal insan, 14 untuk meningkatkan pegangan harta Bumiputera dan satu KPI untuk meningkatkan keberkesanan penyampaian program berorientasikan Bumiputera.

Pada tahun 2016, UPEB di semua Kementerian mencapai 97% skor KPI secara keseluruhan.

KPI berorientasikan Bumiputera untuk GLC dan GLIC juga terbukti menghasilkan kemajuan yang baik. Pada 2016, KPI-KPI ini memberi fokus kepada bidang-bidang berikut:

- Program Pembangunan Vendor
- Syarikat Induk/rantaian bekalan
- Peruntukan khas
- Modal Insan
- Aset-aset bukan kewangan
- Pengambilalihan
- Ekuiti Bumiputera



BAB 3



LEMBARAN BAHARU BETR: TRANSFORMASI KESEJAHTERAAN BUMIPUTERA (BETR 2.0)

Sejak pelaksanaan BETR 1.0, banyak pengajaran telah diperolehi yang membolehkan Kerajaan mengemaskini dasar dengan lebih baik untuk menghasilkan lebih banyak impak melalui pelaksanaan Agenda Bumiputera.

Pada masa yang sama, persekitaran ekonomi yang sering berubah dengan cepat memerlukan strategi baru untuk menambah baik prestasi pengurusan operasi. Misalnya, teknologi disruptif seperti *Internet of Things*, *Big Data*, percetakan 3D dan *autonomous vehicles* mencetuskan model perniagaan baharu dan mencabar *status quo*. Akibatnya, pada masa hadapan, pengusaha hotel, penyedia ruang fizikal, dan pembekal perkhidmatan pengangkutan dan barangan pengguna terbesar mungkin tidak memiliki bangunan, kenderaan atau kilangnya sendiri. Sejumlah besar pekerjaan mungkin perlu dipindahkan atau tidak diperlukan lagi pada masa hadapan. Oleh itu, selaras dengan kebangkitan ekonomi digital, komuniti Bumiputera perlulah digerakkan menuju era

baharu yang lebih bermanfaat dan mampan yang akan membuka lebih banyak peluang untuk penghasilan kekayaan.

Perkembangan ini seharusnya dialu-alukan sebagai sesuatu yang mampu memberi kesan baik kepada Bumiputera, kerana perubahan kepada perniagaan gaya tradisional yang bergantung kepada aset ini mampu meningkatkan daya saing kepada organisasi baru yang mempunyai model perniagaan yang inovatif.



Pada tahun 2017, dengan pengenalan kepada Transformasi Kesejahteraan Bumiputera (TKB – BETR 2.0), BETR telah memasuki fasa baharu TKB mewakili agenda pemerkasaan Bumiputera yang menyeluruh dan holistik yang tidak terhad kepada bidang-bidang tertentu sahaja seperti pemerkasaan ekonomi. Sebaliknya, TKB mengambil kira semua aspek kesejahteraan Bumiputera seperti pendidikan, kesihatan dan juga sosial dan budaya, ditetapkan bersandarkan persekitaran yang kondusif dan dinamik.

TKB merupakan rancangan menyeluruh BETR 2.0 dan menjadi asas penggubalan dasar dan pelan induk serta tindakan setiap inisiatif Kerajaan dalam memperkasakan ekonomi Bumiputera.

Seiring dengan perkembangan pergerakan global dalam tahap kebahagiaan dan kesejahteraan populasi dunia yang digalakkan oleh Program Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu melalui Sasaran Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals – SDG*). SDG merupakan suatu panggilan untuk bertindak menghapuskan kemiskinan, melindungi tumbuh-tumbuhan dan

memastikan keamanan dan kemakmuran untuk semua.

Pendekatan yang diambil oleh TKB dalam usaha mentransformasi Bumiputera yang mengutamakan rakyat dengan sasaran untuk meningkatkan status Bumiputera. Transformasi ini berdasarkan kepada lima bidang:

1. Melonjakkan Skala Bumiputera

Transformasi ini berfokus kepada penyediaan akses kepada syarikat Bumiputera untuk berkembang dengan memastikan setiap syarikat Bumiputera mempunyai laluan yang jelas dari fasa permulaan perniagaan sehingga fasa matang seperti sebuah syarikat multinasional Bumiputera. Hal ini akan lebih jelas melalui prinsip dasar BETR 2.0 yang memanfaatkan dan memperkembangkan program-program sedia ada seperti TERAS dan SJJB untuk membawa juara korporat ke peringkat antarabangsa. SJJB memainkan peranan yang penting dalam membantu lebih banyak syarikat disenaraikan dalam pasaran saham melalui proses trek pantas bagi syarikat-syarikat Bumiputera berprestasi tinggi yang berkelayakan.

Selain itu, syarikat-syarikat besar, termasuklah GLC dan GLIC, yang diberikan kontrak dan konsesi Kerajaan, digesa untuk melaksanakan Dasar Mesra-Bumiputera Mikro dan Kecil bagi membolehkan syarikat-syarikat mikro dan kecil untuk membina keupayaan dan kebolehan. Hal ini akan membolehkan perusahaan-perusahaan ini, yang merangkumi setiap 9 daripada 10 syarikat Bumiputera dalam negara ini, untuk membesar.

Tambahan lagi, bagi meluaskan pasaran syarikat-syarikat ini, usaha pengantarabangsaan syarikat-syarikat Bumiputera akan dilaksanakan termasuklah membangunkan produk dan perkhidmatan yang memenuhi spesifikasi dieksport, penubuhan pusat-pusat pengagihan di luar negara dan kerjasama dengan MATRADE, selain memanfaatkan saluran-saluran e-dagang.

2. Memperkasakan Modal Insan Bumiputera

Sebagai segmen terbesar populasi Malaysia, Bumiputera seharusnya menjadi sebagai penyumbang utama kepada pembangunan dan ekonomi negara, termasuklah dalam bidang akademik, agama, sains teknologi, budaya mahupun sukan kerana pemerksaan modal insan kaum Bumiputera bukan sahaja terhad kepada peningkatan ilmu pengetahuan dan kemahiran semata-mata, tetapi juga peningkatan jati diri dari segi jasmani dan rohani.

Dari perspektif ekonomi pula, pemerksaan modal insan seharusnya berfokus kepada mempersiapkan golongan Bumiputera untuk menghadapi arus cabaran dalam dan luar negara. Tambahan lagi, untuk maju dan bergerak ke hadapan, komuniti Bumiputera seharusnya mampu melakukan anjakan paradigma, beranjak dari kepompong pemikiran konvensional dan bergerak ke arah inovasi.

TKB merupakan dasar yang mencerminkan sebuah komuniti yang kaya dengan budaya, mempunyai daya pemikiran yang tinggi, mengamalkan budaya berprestasi tinggi dan berdaya tahan menghadapi cabaran dan perubahan.

3. Meningkatkan Daya Saing Bumiputera

Dalam usaha mentransformasi syarikat-syarikat ke tahap multinasional, penekanan harus berfokus kepada usaha meningkatkan daya saing syarikat-syarikat Bumiputera. Meskipun sesetengah syarikat Bumiputera telah berjaya di dalam Malaysia dan di luar negara hasil penyampaian perkhidmatan atau produknya yang berkualiti, program-program seperti *Carve-Out and Compete*, Dana Mudahcara dan SUPERB telah direka sebagai pemudahcara untuk syarikat-syarikat yang beraspirasi untuk berjaya di peringkat global dengan mempromosikan perkembangan kebolehan syarikat-syarikat ini untuk memacu daya saing mereka.

4. Mendaya Mobiliti Sosial Bumiputera

Kerajaan beraspirasi untuk mencapai kualiti hidup yang lebih tinggi untuk golongan Bumiputera dengan cara peningkatan kedudukan sosial melalui pendidikan, kemahiran pekerjaan dan pendapatan. Hal ini akan memastikan tahap mobiliti sosial di Malaysia, yang kini berada pada tahap yang sama dengan mobiliti sosial negara maju seperti Kanada, bahkan lebih baik daripada Sweden dan Jerman, dikekalkan atau ditingkatkan. Dalam hal ini, Kerajaan mengutamakan usaha-usaha ekonomi digital.

Seperti yang dinyatakan di bawah BETR 2.0 dan diiktiraf oleh Kerajaan, inisiatif-inisiatif ekonomi digital seperti pelancaran Zon Perdagangan Bebas Digital (DFTZ) pada bulan Mac 2017 akan membolehkan Bumiputera bersaing dengan bebas dan menembusi pasaran yang lebih luas. DFTZ memfokuskan untuk mengembangkan pasaran untuk perusahaan kecil dan sederhana dan usahawan-usahawan muda dengan

memanfaatkan platform digital dan atas talian, lantas memberi peluang untuk penjana pendapatan, mempromosi inovasi dan menyediakan alternatif untuk meningkatkan kedudukan sosial Bumiputera.

5. Transformasi Kesejahteraan Bumiputera secara Tuntas dan Holistik

Sebagai tambahan dan pelengkap sasaran 30% pemilikan ekuiti melalui NEP, pencapaian ekonomi Bumiputera juga akan diukur dari segi pendapatan korporat dan isi rumah, peningkatan bilangan profesional berdaftar, serta penyertaan di peringkat pengurusan dan pekerjaan berkemahiran tinggi. TKB mengambil kira dimensi-dimensi yang lebih luas dalam mengukur kesejahteraan Bumiputera.

Transformasi ini menjadi asas TKB kerana Kerajaan mendukung definisi kejayaan Bumiputera yang lebih luas bagi memastikan prestasi komuniti diperlihatkan pada setiap peringkat.

Lima bidang transformasi TKB juga seiring dengan prinsip-prinsip dasar utama yang diperkenalkan di bawah BETR 2.0. Prinsip-prinsip dasar ini akan memperkukuhkan agenda Bumiputera bagi tempoh 10 tahun akan datang dan memberi fokus kepada program-program dan inisiatif-inisiatif yang akan dijalankan dalam tempoh lima tahun akan datang – 2017 hingga 2021.

Prinsip Utama Dasar BETR 2.0

BETR 2.0 dipandu oleh Prinsip Dasar berikut:

i) **Pendapatan sebagai Hala Tuju Sebenar (True North)**

Bumiputera mewakili 57.5% tenaga kerja Malaysia yang berjumlah 8.35 juta orang. Data berkenaan gaji yang direkodkan oleh tenaga kerja sektor swasta pada 2016 menunjukkan bahawa gaji purata masyarakat Bumiputera adalah jauh lebih rendah berbanding kaum yang lain. Maka, fokus Kerajaan dalam Agenda Bumiputera yang bakal memberi impak terbesar ialah melalui pelaksanaan usaha-usaha bagi menangani isu penawaran dan permintaan dalam peluang pekerjaan. Ini adalah khusus untuk membantu isu tenaga kerja Bumiputera pada masa ini dan yang akan datang bagi mencapai status berpendapatan tinggi.

Rancangan Malaysia Ke-11 menetapkan sasaran untuk meningkatkan peratusan pekerja Bumiputera di bawah kategori “mahir” kepada 60%.

Aspirasi BETR 2.0 ialah untuk Bumiputera memperoleh purata pendapatan RM5,000 sebulan dalam masa 5 tahun akan datang, yang merangkumi pendapatan dari gaji dan selain dari gaji.

Di peringkat penawaran pekerjaan, program seperti peralihan pihak pengurusan, pembangunan kemahiran teknikal dan pembangunan kemahiran pengurusan adalah diperlukan bagi mengatasi masalah di mana 70% dari jumlah tenaga kerja Bumiputera hanya mempunyai tahap pendidikan peringkat menengah dan ke bawah.

Selaras dengan itu, usaha dari segi permintaan oleh pihak majikan juga akan dititikberatkan. Contohnya, panduan pengambilan pekerja secara inklusif tanpa mengira kaum akan dilaksanakan secara terpilih, mengikut keadaan yang bersesuaian. Usaha ini akan melibatkan syarikat-syarikat yang merupakan rakan perniagaan utama Kerajaan dalam melaksanakan projek besar dan strategik negara. Memandangkan syarikat ini selalunya merupakan perniagaan korporat Malaysia yang dikenali umum, maka adalah penting bagi mereka untuk menyokong agenda negara ini dengan menunjukkan tauladan

yang baik dalam mengamalkan amalan-amalan penawaran kerja yang lebih inklusif.

Oleh kerana pendapatan yang telah dikenalpasti sebagai Hala Tuju Sebenar, semua program yang dilaksanakan di bawah agenda Bumiputera pada masa hadapan perlu memastikan pencapaian status berpendapatan tinggi adalah matlamat bagi program yang akan dilaksanakan. Sasaran juga perlu ditetapkan dan pelaksanaan program perlu dipantau rapi. Misalnya, untuk program-program pembangunan usahawan dan bantuan pembiayaan kepada syarikat, agensi kerajaan yang terlibat dalam penyampaian program tersebut perlu berhubung dengan syarikat yang berpotensi untuk dibiaya agar memahami komitmen syarikat dalam pembangunan modal insan dengan pemberian peluang pekerjaan yang lebih baik kepada Bumiputera. Ini merupakan salah satu cara untuk memastikan bahawa bantuan yang diberikan oleh kerajaan dapat dimanfaatkan di dalam pembangunan modal insan Bumiputera ke arah pekerjaan pendapatan tinggi.

ii) Menggunakan kisah kejayaan sebagai model contoh

Sejak enam tahun lepas, banyak kisah kejayaan telah diperoleh daripada pengalaman pelaksanaan program TERAJU, Kementerian dan Agensi Kerajaan, Perbadanan Pelaburan Berkaitan Kerajaan, Syarikat Berkaitan Kerajaan, penglibatan sektor swasta dan Pertubuhan Bukan Syarikat (NGO).

BETR 2.0 adalah merupakan gabungan usaha penambahbaikan program yang sedia ada dan melengkapkannya dengan penambahan inisiatif baru.

Contohnya, dalam bidang pendidikan, terdapat pencapaian yang memberangsangkan oleh program-program di bawah pengelolaan Yayasan Peneraju serta program tajaan korporat hasil usaha Yayasan Amir. Maka, BETR 2.0 bermatlamat untuk meningkatkan jumlah dana yang boleh digunakan untuk pembiayaan program-program seperti ini bagi memberi lebih banyak manfaat kepada sekolah-sekolah dan para pelajar.

Dalam bidang pembangunan usahawan, banyak organisasi dengan program tersendiri telah meraih kejayaan. Salah satu program utama TERAJU ialah TERAS, sebuah program untuk syarikat Bumiputera berpotensi tinggi. Seterusnya, TERAS akan memberi tumpuan kepada usaha-usaha untuk memupuk potensi syarikat tempatan untuk menjadi peneraju di peringkat dalam negara dan juga serantau, selaras dengan matlamat Rancangan Malaysia Ke-11. Ini akan melibatkan penetapan kriteria kewangan dan bukan kewangan sewaktu pemilihan syarikat, perancangan bersama syarikat tersebut untuk menentukan pelan pembangunan mereka, dan memeterai persetujuan persefahaman bagi merasmikan kerjasama untuk membantu syarikat mencapai matlamat. Bantuan Kerajaan juga bukan hanya sebagai pihak yang menganugerahkan kontrak semata-mata, sebaliknya wajar dilihat sebagai sokongan kepada syarikat untuk mendapatkan rundingan profesional dalam menginstitusikan proses dan sistem mereka, mematuhi piawaian yang diperlukan oleh pasaran antarabangsa, memperkukuhkan jenama, serta penggabungan dan pengambilalihan serta pencarian modal.

Model TERAS ini akan diserap ke semua peringkat Kerajaan dan Agensi Kerajaan. Misalnya, badan pembangunan industri tertentu boleh membimbing pembentukan syarikat Bumiputera yang mampu menjadi peneraju dalam industri masing-masing. Pada masa yang sama, model TERAS boleh dijadikan panduan oleh Kementerian dan Agensi Kerajaan dalam pengagihan projek kepada syarikat yang layak melalui proses bidaan yang kompetitif.

iii) Menggabungkan sumber kewangan awam dan swasta bagi melahirkan kesan yang lebih besar

Di antara kejayaan BETR 1.0 ialah pendekatan menjadikan institusi kewangan sebagai rakan usahasama dan penggunaan dana Kerajaan sebagai cagaran, yang seterusnya dapat menggandakan dana untuk kegunaan usahawan Bumiputera. Oleh itu, Kerajaan dapat mengelakkan kesan himpitan keluar (*crowding out*) kepada sektor swasta, merasionalisasikan kos yang akan terlibat dalam proses pinjaman dan pengagihan dana dan akan memperketatkan disiplin pasaran yang akan dikenakan kepada syarikat peminjam.

Dalam usaha melangkah ke hadapan, Kerajaan berhasrat untuk meningkatkan penggunaan model ini. Agensi Kerajaan seperti TEKUN dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) akan meneruskan program menyasarkan kelompok 40% pendapatan terbawah, dalam bidang yang lebih komersial, di mana model rakan usahasama dengan sektor swasta akan lebih diutamakan.

Misalnya, apabila modal permulaan diperlukan, dana Kerajaan boleh diuruskan bersama dengan modal sosial daripada sektor swasta. Apabila modal usaha niaga diperlukan, dana Kerajaan boleh disalurkan kepada firma pengurusan dana Bumiputera, yang kemudiannya akan meletakkan sasaran untuk mencari dana sepadan dengan dana yang diberi Kerajaan. Apabila dana pinjaman diperlukan, agensi Kerajaan perlu bekerjasama dengan bank, dengan memberi tumpuan kepada penyediaan nilai tambah dalam aspek bukan pembiayaan seperti pembangunan modal insan, membantu syarikat menginstitusikan proses dan sistem, menembusi pasaran luar negara dan menyediakan perkhidmatan perkongsian melalui program inkubator.

iv) Rasionalisasi Sistem Penyampaian

Di antara cabaran semasa adalah jumlah institusi dan program yang terlibat dalam menyediakan program sokongan kepada para usahawan. Ini termasuk program bagi usahawan Bumiputera dan bukan Bumiputera, usahawan dalam industri tertentu, serta program yang menyasarkan kepada tahap tertentu dalam kitaran kematangan syarikat.

TERAJU akan diberikan mandat untuk menyelaraskan program khusus untuk Bumiputera, bagi memastikan:

- Manfaat diagihkan di kalangan Bumiputera berdasarkan keperluan dan dilaksanakan dengan adil berlandaskan jantina dan latar belakang sosioekonomi
- Syarikat Bumiputera yang berada dalam sektor keutamaan (misalnya, sektor NKEA) diberikan liputan mencukupi



- Liputan ini diberikan dalam setiap tahap kitaran kematangan syarikat daripada tahap awal sehinggalah kepada syarikat yang sudah kukuh
- Liputan ini termasuklah dalam aspek kewangan dan bukan kewangan. Misalnya, aspek bukan kewangan termasuklah bantuan dalam menawarkan perkhidmatan perkongsian (*shared services*) dalam persekitaran inkubator.

Bagi memainkan peranan tersebut, TERAJU akan mengubah fokusnya dari menjadi agensi pelaksana kepada agensi yang lebih strategik dan meningkatkan kerjasama melalui institusi rakan strategik untuk pelaksanaan program. Sebagai contoh, Dana Mudahcara Bumiputera dan TERAS, yang telah diwujudkan di bawah TERAJU, akan diambil alih oleh agensi lain. Begitu juga, Yayasan Peneraju yang telah pun melaksana banyak program boleh menyerahkan program mereka kepada agensi lain bagi membolehkan Yayasan Peneraju tertumpu kepada penyelesaian baru untuk intervensi tambahan yang dirancang.



v) Dasar mesra-Bumiputera mikro dan kecil

Di peringkat antarabangsa, telah terbukti yang dasar mesra syarikat kecil diperlukan bagi menggalakkan persaingan dan inovasi. Syarikat kecil mungkin masih baru, tetapi ianya diwujudkan oleh para profesional Bumiputera yang berpengalaman luas di peringkat antarabangsa dalam bidang kemahiran masing-masing. Sekiranya kriteria perolehan memihak kepada syarikat gergasi sahaja, kita mungkin tidak memberikan peluang yang adil bagi usahawan tempatan untuk membuktikan kemampuan mereka.

Tambahan pula, syarikat kecil mungkin tidak memiliki rangkaian hubungan yang baik bagi membawa produk dan perkhidmatan mereka ke pasaran, dan kerana itu mungkin terpaksa mengambil masa yang lama untuk berurusan dengan organisasi yang mereka sasarkan tanpa hasil yang memuaskan.

Berdasarkan kajian antarabangsa, antara amalan yang tidak mesra kepada syarikat kecil adalah:

- Gabungan kontrak siap guna (*turnkey contract*): Amalan ini biasanya memihak kepada syarikat gergasi dan selalunya bertaraf antarabangsa, sedangkan syarikat yang lebih kecil dan khusus tidak dapat membida secara langsung. Akhirnya, syarikat kecil Bumiputera yang layak-terutama dalam perkhidmatan profesional (kejuruteraan, ukur bahan) perlu membida untuk menjadi subkontraktor, dan seterusnya bergantung kepada belas ehsan kontraktor gergasi terlibat.
- Kriteria perolehan yang memihak kepada syarikat yang mempunyai rekod kejayaan baik berbanding rekod kejayaan individu profesional. Bagi syarikat-syarikat baru yang tidak mempunyai pencapaian yang cemerlang, mungkin hebat dalam aspek kualiti profesional individu yang ditugaskan untuk melaksana projek tersebut. Pertimbangan mendalam perlu diberikan kepada syarikat yang boleh membuktikan bahawa mereka juga mempunyai barisan profesional Bumiputera yang berpengalaman.

- Jaminan kewangan yang tinggi serta bukti pencapaian sebelum ini mungkin tidak dapat diberi oleh syarikat-syarikat kecil sebagai syarat pemilihan untuk sesuatu projek. Syarikat Bumiputera yang kecil mungkin tidak mempunyai kewangan yang kukuh seperti syarikat gergasi. Maka, pertimbangan yang teliti perlu diambil bagi memastikan kriteria yang dikenakan selaras kemampuan syarikat kecil.
- Masa yang diambil untuk membuat sesuatu keputusan oleh agensi yang mengeluarkan perolehan kadangkala terlalu lama dan tidak telus. Banyak syarikat Bumiputera yang dikaji bergantung kepada pengasas bagi memacu strategi syarikat. Oleh itu, syarikat kecil tidak mampu bertahan dan bergantung sepenuhnya kepada sumber kewangan yang terhad sebelum memenangi sesuatu kontrak. Dalam hal ini, agensi yang terlibat digalakkan membuat keputusan dengan lebih pantas bagi membantu syarikat kecil menguruskan perniagaan dengan lebih baik.

Sepanjang tempoh pelaksanaan BETR 1.0, TERAJU telah berjaya membuka peluang kepada syarikat kecil milik Bumiputera melalui program *Carve Out & Compete* dan SUPERB. Melalui *Carve Out & Compete*, Kerajaan meminta kontraktor siap guna untuk memperuntukkan sebahagian kecil projek untuk dibida kepada syarikat Bumiputera, yang tidak mampu menyertai bidaan kontrak siap guna. Sementara itu, di bawah program SUPERB pula yang dilaksanakan melalui pertandingan di antara syarikat baru dan individu, TERAJU membantu mengatasi masalah kekurangan rangkaian hubungan yang diperlukan bagi melaksanakan idea inovatif tersebut. TERAJU akan bekerjasama dengan organisasi Kerajaan utama serta Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) bagi memulakan dasar mesra-Bumiputera mikro dan kecil dalam aspek perolehan dan projek.

vi) Penekanan terhadap pemerkasaan wanita

Malaysia telah mencapai kejayaan dari segi peningkatan kemasukan wanita dalam pusat pengajian sehingga peringkat pendidikan tinggi. Walaupun penyertaan wanita dalam tenaga kerja telah meningkat 54.3% pada tahun 2016 daripada 46.8% pada tahun 2010, masih ada ruang untuk penambahbaikan bagi penglibatan wanita di peringkat pembuat keputusan (*decision-making*).

Terdapat banyak amalan yang boleh dicontohi daripada negara luar yang boleh disesuaikan dan diterima pakai untuk mengekalkan penyertaan ekonomi wanita di Malaysia – dalam bidang pekerjaan atau


keusahawanan. Amalan ini termasuk akses yang lebih baik kepada tempat penjagaan seharian anak, tempoh lebih lama untuk cuti bersalin, pilihan waktu kerja fleksibel, kempen pengurusan kewangan dan akses kepada program pembiayaan. Platform mentor juga membolehkan golongan wanita muda untuk mendapat manfaat daripada kaum wanita yang lebih berpengalaman dalam menguruskan keseimbangan kerja dan keluarga. Di negara-negara jiran, pemaju dikehendaki membina pusat komuniti in situ yang memenuhi kehendak penjagaan kanak-kanak dan warga emas.

Kadar Penyertaan Wanita dalam Tenaga Kerja, Malaysia

1. Kadar penyertaan wanita dalam tenaga kerja telah meningkat kepada 54.3% pada tahun 2016 daripada 46.8% pada tahun 2010

Peratus


Kadar Penyertaan Wanita dalam Tenaga Kerja



2. Kadar penyertaan wanita dalam lingkungan usia 25 hingga 54 tahun dalam tenaga kerja melebihi 55%

Peratus

Kadar Penyertaan Wanita dalam Tenaga Kerja Berdasarkan Kumpulan Umur





Dalam tempoh BETR 2.0, TERAJU akan bekerjasama dengan semua Kementerian dan agensi bagi memastikan keperluan wanita dalam program Bumiputera disediakan, dan memantau pencapaian KPI yang berkenaan dengan wanita Bumiputera.

vii) Belia Malaysia dan persediaan untuk teknologi disruptif

Generasi muda di Malaysia dilihat telah mengorak langkah ke arah kemajuan teknologi dan inovasi disruptif. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 - 2025 (Pengajian Tinggi) dan agenda Mereka Semula Pengajian Tinggi meletakkan teknologi disruptif ini sebagai fokus negara. Dalam kaji selidik baru-baru ini, belia Malaysia menyatakan bahawa kecenderungan semasa (*trend*) teknologi baru yang paling menghasilkan impak adalah Objek Rangkaian Internet (*Internet of Things – IoT*), Kecerdasan Buatan (*Artificial Intelligence – AI*) dan Nanoteknologi, dengan IOT mendahului senarai sebagai salah satu inovasi teknologi paling menarik yang akan memberi kesan kepada kehidupan mereka. Golongan belia di Malaysia perlu bersedia untuk teknologi digital disruptif dan ini boleh dicapai melalui;

- Penyediaan daripada peringkat pendidikan rendah dan menengah dengan kemahiran yang tepat untuk digunakan dalam inovasi masa hadapan

- Mewujudkan persekitaran perniagaan yang kondusif bagi menggalakkan usahawan perniagaan permulaan (*start-ups*), sebaiknya daripada peringkat siswazah
- Memastikan inovasi teknologi masa hadapan diakses dengan mudah dengan harga mampu milik kepada orang ramai

Selanjutnya, sebuah Jawatankuasa Khas Kabinet bagi Membantu Usahawan Muda telah ditubuhkan untuk membantu para usahawan muda mendapatkan ilmu dan kepakaran yang sesuai untuk bersaing di pasaran yang lebih besar.

Jawatankuasa tersebut, yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri, akan memastikan bahawa sasaran Kerajaan untuk menghasilkan 10,000 usahawan muda menjelang tahun 2020 akan dicapai.

Kerajaan Persekutuan dan beberapa agensi-agensi lain seperti TERAJU dan PUNB bersungguh-sungguh dalam usaha mereka untuk membantu usahawan muda, bukan sahaja dalam aspek kewangan, tetapi juga

dalam aspek meningkatkan kemahiran pengurusan perniagaan.

Oleh kerana sifat inovasi disruptif yang mana idea, produk dan proses silih berganti dan berkembang dengan mendadak, tidak hairanlah golongan belia memainkan peranan yang amat penting sebagai generasi disruptif negara. Para belia di Malaysia perlu bersedia dan menerima cara teknologi mempengaruhi dan mempermudah kehidupan mereka. Selain sentiasa mengikuti perkembangan teknologi ini, mereka juga perlu menerajui serta cemerlang dalam pelaksanaan ilmu ini.

Dalam BETR 2.0, TERAJU akan terus bekerjasama dengan Kementerian dan agensi-agensi yang terpilih terutamanya dalam bidang pendidikan dan Kementerian Belia dan Sukan untuk memastikan program-program yang dilaksanakan kekal inovatif dan berorientasikan teknologi. Kesenambungan program-program seperti SUPERB sebagai platform generasi muda memulakan perniagaan perlu diteruskan dan dipertingkatkan agar negara bersedia untuk inovasi seterusnya.



viii) Menyemai agenda Bumiputera di arus perdana

Mulai tahun 2014, setiap Kementerian telah menetapkan KPI khusus kepada pencapaian Agenda Bumiputera. Setiap Kementerian juga mempunyai seorang pegawai untuk UPEB, bertanggungjawab untuk menyelaraskan inisiatif-inisiatif berkaitan Bumiputera. Pihak GLC juga telah mengamalkan pemantauan KPI berkaitan Bumiputera.

Berikutan perasmian BETR 2.0, semua KPI Kementerian akan disusun semula mengikut sasaran pendapatan dan pekerjaan BETR 2.0. Tambahan pula, agenda Bumiputera perlu dimasukkan di bawah aktiviti-aktiviti utama Kementerian, dan bukannya dijalankan sebagai aktiviti berasingan. Contohnya, di bawah NKEA Program Transformasi Nasional, di mana sejumlah projek telah dikenalpasti untuk memandu impak ekonomi dalam industri, perhatian perlu diberi dalam mengekalkan keseimbangan komposisi etnik dalam projek-projek tersebut.





BAB 4

BETR 2.0: KERANGKA KESELURUHAN

Sejak permulaan Dasar Ekonomi Baru, agenda Bumiputera bermatlamat untuk mencapai keseimbangan ekonomi bagi Bumiputera melalui lima bidang tumpuan yang memberi kesan kepada pendapatan dan pemilikan harta. Di bawah BETR 2.0, Hala Tuju Sebenar transformasi ialah mewujudkan purata pendapatan Bumiputera (yang terdiri daripada pendapatan dari gaji dan pendapatan selain dari gaji).

Hala Tuju Sebenar ini bakal dicapai melalui pelbagai inisiatif dan program yang dipacu oleh lima teras utama transformasi yang akan menyasarkan kedua-dua belah pihak penawaran (misalnya peningkatan kemahiran tenaga kerja) dan pihak permintaan (seperti menetapkan sasaran bagi pengambilan pekerja secara inklusif).

i. Memperkukuhkan Modal Insan

Asas utama bagi kejayaan empat teras utama yang lain di bawah BETR 2.0 ialah memastikan usaha berterusan untuk melonjakkan kualiti dan kuantiti modal insan Bumiputera dan kemampuan mereka untuk menyumbang secara positif kepada masyarakat serta pertumbuhan ekonomi negara. Teras pertama menyasarkan kepada kualiti dan kuantiti modal insan melalui dua tahap: Pendidikan asas (pra-sekolah, rendah dan menengah) dan pendidikan tinggi.

Pada tahap pendidikan pra sekolah, rendah dan menengah, keutamaan diberi kepada meningkatkan peratusan kemasukan Bumiputera pada semua tahap dan mengurangkan keciciran pelajar. Objektif seterusnya ialah untuk meningkatkan jumlah sekolah majoriti Bumiputera yang menerima intervensi khas/tambahan bagi memacu hasil pendidikan yang lebih berkualiti misalnya di sekolah-sekolah amanah seperti MRSM.

Seterusnya, teras modal insan bermatlamat untuk memastikan pilihan pendidikan tinggi diwujudkan dan diselarikan dengan peluang ekonomi dan pekerjaan mengikut keperluan semasa (contohnya, ekonomi digital). Program dan inisiatif di bawah teras ini dibentuk untuk mengukuhkan kualiti penyampaian supaya dapat menghasilkan graduan Bumiputera yang lebih bersedia untuk memasuki pasaran kerja dan memiliki tahap kebolehpasaran kerja yang tinggi (misalnya mempunyai pemikiran analitik, kemahiran berkomunikasi yang lebih baik dan kemampuan untuk lebih berdikari). Selain itu, bagi memastikan kemampanan modal insan Bumiputera, antara langkah tambahan sedang dilakukan untuk membentuk lebih ramai pemimpin korporat di kalangan Bumiputera pada masa hadapan, ialah meningkatkan jumlah kemasukan pelajar Bumiputera ke universiti yang tersenarai dalam kedudukan 50 terbaik dunia.

ii. Menggalakkan Pekerjaan dan Pendapatan Bernilai Tinggi

Susulan daripada teras pertama, inisiatif-inisiatif di bawah teras kedua akan mengutamakan usaha untuk meningkatkan kebolehpasaran Bumiputera sebagai tenaga kerja, di samping menambahbaikkan *upward mobility* bagi mereka yang sudah bekerja. Selain itu faktor *demand-side* juga perlu ditambah baik dengan membuka lebih banyak peluang melalui sasaran pekerjaan secara inklusif (*inclusive employment target*). Berbagai usaha juga sedang dilakukan bagi memastikan semua faktor permintaan (*supply side*) juga diberikan perhatian, misalnya meningkatkan pekerjaan dengan menggalakkan graduan memilih untuk bekerja sendiri melalui keusahawanan mampan agar dapat menyokong pengembangan syarikat Bumiputera dan GLC serta meningkatkan kawalan Bumiputera ke atas syarikat korporat di dalam sektor-sektor strategik. Antara kesan sampingan yang diinginkan apabila inisiatif di bawah teras ini berjaya ialah dengan berkurangnya masalah sosial di kalangan belia dan masyarakat Bumiputera melalui pelbagai penyediaan peluang pekerjaan dan prospek yang lebih baik dari segi pekerjaan dan pendapatan.

iii. Meningkatkan Saham Bumiputera dan Nilai Ekuiti Korporat

Teras ketiga bermatlamat untuk menetapkan sasaran yang jelas untuk pemilikan ekuiti korporat Bumiputera mengikut sektor, bagi mengekal dan mempertingkatkan kawalan korporat Bumiputera dalam sektor “tradisional”, misalnya minyak dan gas, pendidikan swasta serta makanan dan minuman (F&B). Selain itu GLIC, Ekuinas perlu terus meluaskan usaha mereka bagi memastikan pemilikan ekuiti Bumiputera yang mencukupi dalam bidang pertumbuhan strategik dan terus meningkatkan penglibatan Bumiputera di sepanjang rantai nilai. Ini seterusnya akan memberikan permintaan dan peluang yang lebih tinggi untuk pekerja dan vendor Bumiputera.

iv. Memperkukuh Keusahawanan

Untuk terus mengukuhkan inisiatif penawaran (*supply side*), teras keempat akan mengutamakan usaha untuk membantu syarikat mikro dan kecil bagi mengukuh dan menaik taraf operasi mereka; dengan menggalakkan dan membuka lebih banyak peluang untuk usahawan Bumiputera untuk melibatkan diri di dalam sektor dan industri yang lebih pelbagai berbanding industri “tradisional” yang sering dikaitkan dengan Bumiputera seperti industri berasaskan makanan. Ia juga akan memberi tumpuan ke arah penggunaan peruntukan sumber dan kemudahan Kerajaan yang lebih berkesan bagi operasi dan pengembangan syarikat. Sebagai sebahagian daripada penambahbaikan inisiatif di bawah BETR 2.0, liputan di Sabah dan Sarawak juga akan dipertingkatkan. Langkah ini dianggap selari dengan inisiatif pihak permintaan seperti memastikan dasar perolehan organisasi besar bersifat “mesra-Bumiputera mikro dan kecil”. Inisiatif di bawah teras ini menjurus ke arah peningkatan pendapatan purata bulanan para usahawan.

v. Meningkatkan Pemilikan Aset Bukan Kewangan

Teras kelima menangani pemilikan aset bukan kewangan yang dilihat sebagai halangan kepada perniagaan baru. Matlamatnya adalah untuk memastikan tanah terbiar yang tidak digunakan oleh pemilik dan aset yang jarang digunakan diubah kepada aset yang dapat menjana pendapatan dengan mewujudkan aktiviti-aktiviti yang lebih berfaedah seperti rekreasi, percutian, tarikan, dan pembangunan hartanah.

Daripada perspektif usahawan dan perniagaan baru, matlamatnya ialah untuk memudahkan akses mereka kepada aset-aset seperti kilang dan kemudahan industri lain yang selama ini menjadi halangan untuk mereka menembusi pasaran tertentu.

vi. Mengukuhkan Sistem Penyampaian

Bagi memastikan yang inisiatif Bumiputera ini dapat dirasai sehingga ke peringkat akar umbi, asas yang merentasi kelima-lima teras ini ialah pengukuhan sistem penyampaian di mana satu mandat khas hendaklah diberikan kepada satu badan tunggal untuk menguruskan pelaksanaan program bidang tumpuan BETR 2.0 dan inisiatif merentasi pelbagai pihak berkepentingan. Langkah ini akan dapat memastikan agar KPI yang diperlukan dapat dipenuhi merentasi semua bidang tumpuan serta organisasi terlibat. Satu *platform* khas juga akan diwujudkan untuk perkongsian dan analisis data yang lebih baik di antara pelbagai *stakeholder*. Selain itu penilaian berkala suku tahunan hendaklah dikemukakan kepada Majlis Ekonomi Bumiputera bagi tujuan pelaporan dan tumpuan kepada penyelesaian masalah.

STRATEGI UTAMA BETR 2.0

Mendaya Modal Insan


Dalam BETR 1.0, fokus untuk teras Modal Insan ialah untuk menyediakan intervensi bagi pelajar yang berisiko tinggi dari tercicir daripada sistem persekolahan, untuk meningkatkan kemasukan pasca SPM dan untuk membentuk generasi Bumiputera yang lebih kukuh serta berpotensi besar yang kemudiannya akan menjadi pemimpin korporat dan negara di masa hadapan.

Fokus ini masih lagi relevan dalam BETR 2.0 dan kerana itu ianya akan dikekalkan, iaitu:

- Bantuan dan intervensi akan diteruskan untuk pelajar yang berdepan dengan pelbagai cabaran bagi meneruskan persekolahan mereka. Inisiatif utama yang telah dirangka oleh Kementerian Pendidikan di aliran arus perdana akan dilengkapi dengan usaha tambahan oleh Yayasan Peneraju dan diselaraskan dengan pelbagai usaha dari sektor swasta dan lebih ramai penaja
- Pengesanan awal dan pemberian sokongan kepada pelbagai cabang kecemerlangan iaitu dalam bidang akademik, vokasional, sukan, seni persembahan dan keusahawanan akan disediakan untuk meningkatkan kemasukan pasca SPM
- Pilihan pendidikan yang dapat mendidik pelajar supaya bersedia untuk berhadapan dengan peluang dalam ekonomi baru (misalnya model perniagaan digital) perlu disediakan dengan lebih meluas
- Kami juga menyasarkan untuk meningkatkan jumlah Bumiputera yang dihantar ke universiti terbaik dunia, supaya dapat terus melahirkan pemimpin Negara di masa hadapan, peneraju korporat dan golongan profesional yang terbilang

Pecahan tempoh sebelum graduan mendapat kerja pertama


Peratusan



Di samping perkara-perkara di atas, BETR 2.0 juga bermatlamat untuk memberi tumpuan kepada pengukuhan sikap dan keupayaan pemikiran kritikal pelajar Bumiputera, dan kebolehpasaran dan kebolehgajian graduan tempatan.

Pecahan gaji permulaan bulanan graduan

Peratusan



Selaras dengan matlamat ini, sifat-sifat teras seperti penyelesaian masalah dan kemampuan untuk belajar sendiri perlu diberikan perhatian. Graduan Bumiputera perlu menyediakan diri untuk pekerjaan dalam era digital dan bersedia untuk menerima peranan barisan hadapan seperti tele-jualan dan operasi pusat perhubungan yang banyak berada dalam permintaan.

Sasarannya adalah untuk:

- Meningkatkan peratusan Bumiputera yang mendapatkan pendidikan tinggi sehingga 80% dan
- Meningkatkan peratusan graduan pendidikan tinggi Bumiputera yang mendapat gaji permulaan bulanan melebihi RM2,000 sehingga 60%.

Program

Antara program yang akan dilaksanakan di bawah BETR 2.0 ini adalah:

- Penggunaan aset wakaf dan struktur pembiayaan yang lebih menarik untuk menjadikan pendidikan pra sekolah kanak-kanak berkualiti mampu diakses, dengan kerjasama pembekal pendidikan pra sekolah kanak-kanak swasta milik Bumiputera sedia ada
- Memperkembangkan program intervensi tajaan korporat yang memberi tumpuan kepada penambahbaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran peringkat sekolah – seperti Yayasan Amir
- Membangunkan modul untuk melengkapkan kurikulum teras dalam bidang-bidang seperti peningkatan kualiti Bahasa Inggeris, pemikiran kritikal, kemahiran dan kesediaan hidup untuk era digital. Seterusnya, langkah ini boleh diperkembangkan melalui penajaan sosial. Ini boleh dilakukan pada peringkat sekolah dan IPTA, menggunakan modul teras universiti yang telahpun dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi



- Program khidmat masyarakat sekolah bagi mengadakan ujian *profiling*, membantu pelajar menghargai kekuatan dalaman mereka dan mendidik mereka tentang pelbagai laluan kerjaya yang boleh mereka pilih
- Membangunkan lebih banyak pilihan profesional dan TVET berkaitan industri- misalnya Certified Accounting Technician (CAT) yang membuka jalan untuk program ACCA
- Menggalakkan kerjasama antara IPTA dan sektor swasta
- Meningkatkan jumlah pelajar untuk dihantar ke universiti terbaik Asia, dan bekerjasama dengan industri dan persatuan untuk mewujudkan biasiswa
- INSKEN akan meneraju rasionalisasi dan piawaian pensijilan pembelajaran dan pembangunan usahawan untuk mengelakkan pertindihan antara institusi. Kelayakan juga perlu sah untuk jangka masa lebih panjang dan perlu ada kriteria untuk pensijilan pelatih






Pekerjaan dan Pendapatan


Dalam BETR 1.0, fokus untuk Pekerjaan dan Pendapatan ialah untuk memperkukuhkan syarikat-syarikat Bumiputera dalam usaha untuk meluaskan peluang pekerjaan kepada Bumiputera, selain daripada menjadi langkah oleh pihak penawaran dalam meningkatkan kelayakan tenaga kerja. Misalnya, Yayasan Peneraju telah melaksanakan program untuk membantu pekerja Bumiputera bagi mendapatkan sijil profesional perakaunan, kelayakan Chartered Financial Analyst (CFA) dan lain-lain.

Walaupun kemajuan menakjubkan telah dicapai, berbanding ketika Malaysia memulakan DEB pada 1970, masih wujud jurang yang perlu dihapuskan. Isu utama negara ialah fakta yang menyatakan 70% tenaga kerja hanya mempunyai pendidikan menengah ke bawah, dan wujud perbezaan pendapatan yang ketara mengikut wilayah.

Peratusan Profesional Bumiputera berdaftar, 2010 & 2014



Pekerjaan Bumiputera mengikut kategori kemahiran dan kohort umur, 2014



Terdapat bukti dari negara-negara lain di mana kepelbagaian dan inklusiviti menjadi matlamat nasional yang utama, dan organisasi yang dikawal selia oleh Kerajaan Persekutuan diperlukan untuk membangunkan pelan 3-5 tahun bagi meningkatkan inklusiviti dan ekuiti Bumiputera dalam sektor pekerjaan. Malah ada negara yang mempunyai Tribunal Semakan Ekuiti Pekerjaan untuk menilai kes-kes pelanggaran kepada kepatuhan.

Melangkah ke hadapan, usaha sedia ada akan diteruskan dan akan dilengkapi dengan intervensi untuk:

- Meningkatkan tahap kelayakan dan 'Upward Mobility' tenaga kerja Bumiputera sedia ada untuk menyokong peralihan kepada pekerjaan berpendapatan tinggi
- Meningkatkan peluang pekerjaan untuk Bumiputera dengan menetapkan sasaran pekerjaan untuk Bumiputera kepada syarikat-syarikat terpilih yang mendapat manfaat daripada projek mega, konsesi atau lesen

- Mengekalkan lebih ramai wanita dalam tenaga kerja
- Menjadikan tenaga kerja yang lebih produktif agar isu sosial dapat dikurangkan
- Menggalakkan pengenalan dasar kepelbagaian (Diversity Policy) dalam organisasi yang menerima bantuan kerajaan berorientasikan Bumiputera, bagi memastikan syarikat Bumiputera lain, termasuk wanita, Bumiputera Sabah dan Sarawak juga diberikan peluang saksama untuk bersaing. Dasar kepelbagaian ini perlu meliputi pekerjaan, pembangunan keusahawanan dan peluang perniagaan, serta meletakkan komitmen organisasi untuk meningkatkan status Bumiputera, termasuklah wanita, serta penglibatan Sabah dan Sarawak dalam pengurusan kanan dan kedudukan strategik

Program

Antara program yang akan dilaksanakan dalam tempoh BETR 2.0 adalah:

- Mewujudkan model peralihan tenaga kerja untuk membantu pekerja dalam pekerjaan berpendapatan rendah meneroka potensi diri mereka dan menguruskan proses peralihan kepada pekerjaan berpendapatan tinggi
- Menyediakan program pengurusan dan pembangunan kepimpinan berkualiti tinggi untuk pekerja Bumiputera dalam SME. Program-program ini selalunya didapati di syarikat antarabangsa dan syarikat gergasi Malaysia, tetapi kurang tersedia untuk keperluan pekerja di syarikat kecil
- Memperkembangkan program kerja yang lebih fleksibel untuk mengekalkan lebih ramai wanita dalam pasaran kerja
- Menetapkan KPI untuk memastikan peluang pekerjaan yang inklusif untuk setiap syarikat yang pernah menerima faedah daripada insentif Kerajaan, konsesi dan lesen dalam industri terpilih
- Mewujudkan struktur penyampaian yang bersifat rentas-agensi yang diperkukuhkan untuk menyelesaikan isu-isu sosial Bumiputera dengan mengadakan program-program (seperti bengkel keibubapaan, kaunseling kewangan dll) untuk mengurangkan masalah Bumiputera dalam isu-isu tertentu dan mewujudkan tenaga kerja Bumiputera yang lebih berdaya saing

Keusahawanan


Dalam BETR 1.0, fokus teras Keusahawanan ialah untuk membantu syarikat kecil yang bergantung kepada pasaran tempatan untuk meluaskan skala mereka. Selain itu, kami juga mahu meningkatkan penglibatan Bumiputera dalam sektor ekonomi yang mempunyai pertumbuhan tinggi, dan mempelbagaikan jenis bantuan Kerajaan dengan memberikan pembiayaan dan akses kepada perolehan; dan membantu syarikat melakukan penambahbaikan korporat untuk pengembangan eksport.

Sebahagian besar usahawan Bumiputera pada masa kini masih berada di dalam kategori perniagaan mikro, tertumpu kepada sektor yang sangat kompetitif seperti peruncitan, restoran dan perkhidmatan pelanggan (seperti membaiki kenderaan) yang memenuhi pasaran tempatan. Apabila isu ini berterusan, perkara ini juga menjadi isu negara. Menurut *Global Entrepreneurship Monitor Survey*, kelompok terbesar usahawan Malaysia merupakan golongan yang berusia dalam lingkungan 25-34 tahun dengan hanya



berpendidikan menengah, dibandingkan dengan ekonomi dari negara lain yang dipacu inovasi yang mana usahawan mereka berada dalam lingkungan 35-44 tahun dengan pendidikan ijazah. Ramai usahawan terlibat dalam perniagaan untuk memperolehi pendapatan yang lebih tinggi berbanding pekerjaan bergaji.

Pecahan SME, 2015



Usahawan Bumiputera masih menghadapi cabaran yang berulang yang masih belum mendapat perhatian sewajarnya.

- Pasaran Tertutup: Usahawan Malaysia dalam kajian *Global Entrepreneurship Monitor* (GEM) melaporkan yang pasaran *business-to-business* (B2B) dan *business-to-government* (B2G) di Malaysia sukar diakses; memerlukan *know-who*, kurang bersedia untuk menyediakan produk dan perkhidmatan yang inovatif, dan proses membuat keputusan yang memakan masa.
- Struktur dan penyampaian program pembiayaan: Saiz pinjaman untuk kebanyakan program adalah kecil dan tidak sesuai untuk perniagaan yang memerlukan kos permulaan tinggi. Modal risiko juga berkurangan.
- Sistem sokongan inkubator yang kurang efektif: Inkubator sedia ada tidak mempunyai perkhidmatan perkongsian dan sokongan yang efektif dengan industri tertentu. Oleh itu adalah sukar bagi syarikat kecil untuk mengembangkan perniagaan mereka kerana terpaksa menghadapi berbagai halangan dan menanggung kos yang tinggi.

- Hubungan industri yang lemah: Misalnya, dalam industri kosmetik dan penjagaan diri, kebanyakan syarikat Bumiputera hanya cenderung untuk menjadi syarikat pengedar berbanding mengeluarkan produk mereka sendiri. Bilangan syarikat yang mengeluarkan bahan bermutu dan berinovasi tinggi adalah amat kecil.

TERAJU telah memulakan *baseline study* mengikut sektor dalam usaha untuk membangunkan lebih ramai usahawan dengan menggunakan pendekatan; memperkukuhkan rantai nilai Bumiputera didalam sektor tertentu. Dalam BETR 2.0, pendekatan berasaskan sektor akan diperluaskan. Penekanan yang akan diberikan untuk menggalakkan golongan profesional yang sedang meningkat naik dalam karier mereka (*mid-career*), serta memiliki banyak pengalaman dalam sektor tertentu untuk menceburi perniagaan yang selaras dengan bidang kepakaran mereka.

Selain itu, bidang tumpuan sebelum ini perlu diteruskan, dengan penekanan tambahan kepada usahawan wanita; dan pada Sabah

dan Sarawak untuk mempromosikan keterangkuman serantau. TERAJU juga akan menawarkan pelbagai bantuan untuk memudahcara untuk menyediakan syarikat-syarikat Bumiputera dalam menghadapi persaingan dalam ekonomi yang lebih terbuka di bawah Organisasi Perdagangan Dunia (WTO). Untuk menggalakkan aktiviti perniagaan yang berteraskan inovasi, Kerajaan juga perlu mempromosikan dasar mesra-Bumiputera mikro dan kecil.

Peranan institusi pendidikan tinggi dalam usaha menanam sifat keusahawanan perlu ditekankan dengan menggalakkan institusi ini menerapkan pemikiran dan kemahiran keusahawanan dalam kalangan Bumiputera pada peringkat awal. Ini akan mendedahkan perubahan minda kepada Bumiputera muda untuk memilih bekerja sendiri sebagai salah satu pilihan kerjaya dan tidak semata-mata bergantung kepada pekerjaan sepenuh masa.

Organisasi Pembangunan Usahawan (*Entrepreneur Development Organisations – EDO*) perlu memainkan peranan lebih besar dalam menggalakkan syarikat Bumiputera untuk

berkembang. Wujudnya tanggapan bahawa syarikat Bumiputera terutama yang berada dalam segmen mikro dan kecil lebih suka berada dalam zon 'selesa' dan tidak mahu berkembang kerana kewujudan berbagai bantuan berulang ditawarkan oleh sesetengah EDO.

Dalam hal ini, EDO perlu mengenalpasti syarikat yang berpotensi tinggi dan menyediakan jalan untuk mereka lebih berkembang maju dengan bantuan minimum dari EDO.

Perlu wujud kerjasama yang lebih erat antara EDO yang syarikat Bumiputera mengikut peringkat perkembangan syarikat, untuk membolehkan syarikat tersebut untuk meningkatkan skala masing-masing agar menjadi lebih maju.

EDO tidak seharusnya membantu syarikat-syarikat Bumiputera dalam bentuk bantuan pembiayaan dan pembangunan keupayaan sahaja. Setiap EDO perlu secara lebih proaktif untuk membantu syarikat mencapai akses pasaran yang lebih baik untuk membantu syarikat-syarikat Bumiputera dalam program-program mereka untuk terus berdaya-saing.

Program

Antara program yang akan dilaksanakan semasa BETR 2.0 adalah:

- Untuk memperluaskan program SUPERB sebagai sebuah pertandingan cadangan inovasi dan pembentukan nilai. SUPERB boleh dilaksanakan oleh agensi, syarikat lain dan institusi pengajian tinggi, sebagai satu kaedah yang membolehkan mereka mencetuskan idea perniagaan baru dan penyelesaian inovatif supaya SUPERB dapat dilaksanakan bukan hanya oleh TERAJU. Bagi individu Bumiputera dan syarikat baharu, ini akan menghapuskan birokrasi dalam proses memasarkan idea baharu mereka ke dalam pasaran
- Menyediakan modal permulaan dan sokongan untuk membantu profesional berpengalaman menggunakan instrumen kapital pasaran seperti syarikat khas ambil alih (*Special Purpose Acquisition Company* – SPAC) untuk melonjakkan perniagaan mereka melalui pengambilalihan

- Melakukan *baseline study* mengikut sektor secara berterusan untuk mengetahui kedudukan Bumiputera di dalam sesuatu sektor. Program intervensi yang lebih berkesan perlu diwujudkan untuk memperkukuhkan penglibatan Bumiputera merentasi rantai nilai sektor
- Untuk meningkatkan penyelarasan antara agensi pembangunan industri tertentu dan agensi pembangunan usahawan Bumiputera. Misalnya, ini akan membantu memastikan pemenang SUPERB berjaya menjana modal selepas membuktikan konsep perniagaan mereka
- Untuk memperkemas dasar perolehan supaya menjadi “Mesra-Bumiputera mikro dan kecil”
- Meluaskan Program *Carve Out and Compete* antara Kerajaan dan GLC. Secara khususnya, program ini akan berkembang luas daripada skop projek mega komponen pembinaan awam. *Carve Out* di masa hadapan diperluaskan kepada sektor lain yang mengikut komponen pembinaan seperti komponen sistem, peruntukan untuk ruang niaga yang juga seringkali dikaitkan dengan pembangunan projek mega
- Untuk mengarusperdanakan Agenda Bumiputera; keterangkuman jantina; dan keseimbangan serantau yang dilaksanakan pada setiap peringkat inisiatif ekonomi negara, seperti Program Transformasi Ekonomi
- Meluaskan program yang menggalakkan penggabungan antara syarikat kecil

TERAJU juga akan menyiapkan pembangunan TERAJUXChange, iaitu pangkalan data berpusat usahawan Bumiputera. Pelaksanaan ini telah menggabungkan data daripada 12 Kementerian/agensi bertujuan untuk memberikan akses data kepada Kementerian dan agensi pelaksana tentang penerima bantuan Kerajaan bagi mengenalpasti dan menilai penerima tersebut supaya Kerajaan dapat membuat keputusan yang lebih tepat mengenai pemohon baru, mengurangkan pemberian bantuan/sokongan kepada orang yang sama selain mengenalpasti jumlah bantuan yang diterima syarikat dan usahawan untuk membolehkan penilaian menyeluruh untuk pemberian sokongan, dan mengelakkan pertindihan bantuan kewangan.

Pangkalan data berpusat ini juga akan digunakan untuk memantau pertumbuhan syarikat Bumiputera dan keberkesanan program Kerajaan dengan menyediakan statistik pendapatan, lokasi dan industri. Ini juga membolehkan Kerajaan dan agensi pelaksana untuk memantau perkembangan dan prestasi syarikat/usahawan, terutama sekali selepas menerima bantuan Kerajaan. Ia juga dapat membantu Kementerian dan agensi Kerajaan untuk membangunkan program khusus bagi memenuhi keperluan usahawan.

Selaras dengan matlamat utama untuk menjadikan pekerjaan dan pendapatan sebagai *True North*, agensi pelaksana juga akan memantau peningkatan pendapatan usahawan Bumiputera, dan meningkatkan peluang pekerjaan pendapatan tinggi untuk Bumiputera di bawah program yang mereka laksanakan.

Ekuiti Korporat

Dalam BETR 1.0, antara fokus utama ialah untuk melonjakkan ekuiti Bumiputera dengan membantu lebih banyak syarikat Bumiputera tersenarai dalam pasaran saham, serta untuk membantu syarikat Bumiputera yang telah tersenarai meningkatkan modal pasaran mereka. Ini dilakukan melalui program SJJB. Selain itu, kerajaan juga berusaha melonjakkan ekuiti Bumiputera melalui pemerolehan oleh insititusi, pelupusan aset bukan teras milik Kerajaan dan GLC serta memperuntukkan dana untuk membantu syarikat Bumiputera meningkatkan permodalan atau mengambil alih pemegang saham bukan Bumiputera.

Dalam tempoh BETR 1.0, TERAJU juga berkerjasama dengan Kerajaan untuk menilai ekuiti korporat Bumiputera dalam sektor lain (seperti industri logistik) dalam usaha untuk mengenalpasti jalan terbaik bagi mengekalkan kemampanan di masa hadapan.

Antara tahun 2011-2015, nilai ekuiti korporat yang diambilalih oleh institusi pelaburan berkaitan Kerajaan telah meningkat kepada RM94 bilion.

Di bawah BETR 2.0, tumpuan kepada pengambilalihan dan peningkatan nilai ekuiti akan diteruskan. Tambahan pula, penekanan akan diberi kepada meningkatkan lagi kelebihan sedia ada Bumiputera dalam sektor seperti minyak dan gas, dan penyertaan dalam sektor yang sedang meningkat naik seperti perkhidmatan dan perniagaan digital.

Sejajar dengan Rancangan Malaysia Ke-11, sasarannya adalah untuk membangunkan 5 syarikat bertaraf dunia, 10 syarikat menerajui pasaran serantau dan 30 syarikat peneraju di pasaran tempatan.

Program

Antara program yang akan dilaksanakan semasa BETR 2.0 adalah:

- Menetapkan peneraju sektor untuk memantau penglibatan Bumiputera dalam setiap sektor agar dapat menepati sasaran. Peneraju sektor yang akan dicalonkan terdiri dari pelabur swasta serta pengawal selia Kerajaan/Kementerian sedia ada
- Menambahbaik Program TERAS dan menerapkannya ke setiap peringkat Kerajaan. TERAS perlulah menjadi program berperingkat, dengan syarikat di peringkat yang tertinggi terdiri daripada mereka yang berpotensi tinggi menjadi peneraju industri peringkat tempatan dan rantau. Kriteria pemilihan ini perlulah meliputi kriteria kewangan dan bukan kewangan, seperti kualiti kepimpinan, tahap inovasi dan kewibawaan kualiti. Syarikat peringkat satu TERAS perlulah layak menerima lebih bantuan yang disasarkan bagi membantu mereka berkembang
- Menggalakkan DFI untuk menyemak semula program mereka dan

menggunakan model Dana TERAS dengan kelebihan peruntukan pembiayaan untuk menggandakan kemampuan kewangan mereka, seperti yang dilakukan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia dengan kerjasama Bank Rakyat

- Membantu syarikat-syarikat Bumiputera mendalamkan set kemahiran dan meningkatkan skala beroperasi dalam persekitaran operasi yang semakin diliberalisasikan
- Bekerjasama dengan syarikat perunding Bumiputera sektor swasta untuk mengenalpasti perjanjian penggabungan dan pengambilalihan yang berpotensi

Selaras dengan pekerjaan dan pendapatan sebagai hala tuju sebenar, agensi pelaksana juga akan memantau peningkatan pengurusan Bumiputera dalam syarikat yang diambil alih, dan peningkatan peluang pendapatan tinggi untuk Bumiputera. Bagi memenuhi tuntutan ini, BETR 2.0 akan membimbing program pelaburan aset bukan teras GLC untuk membolehkan individu memperoleh perniagaan subsidiari GLC. Ini juga akan membuka jalan kepada individu untuk berkecimpung dalam bidang keusahawanan.

Pemilikan Kekayaan Inklusif Aset Bukan Kewangan

Dalam BETR 1.0, fokus ialah untuk meningkatkan pemilikan hartanah Bumiputera dengan pelaksanaan pendekatan pelaburan institusi, melalui institusi seperti Pelaburan Hartanah Bumiputera. Ini diikuti pula oleh Rancangan Malaysia Ke-11, yang mahu 90% isi rumah Bumiputera memiliki rumah mereka sendiri.

Dalam BETR 2.0 pula, pengumpulan kekayaan akan memerlukan pendekatan yang lebih besar bagi meningkatkan pendapatan selain gaji Bumiputera. Isu seperti peningkatan hutang pengguna dan kekurangan simpanan tabung persaraan memerlukan campur tangan tambahan. Selain itu, aset Bumiputera seperti tanah wakaf tidak sewajarnya terbiar dan perlu digunakan untuk aktiviti menjana pendapatan.

Matlamatnya adalah untuk meningkatkan jumlah pelaburan setiap Bumiputera dengan tumpuan kepada kumpulan pendapatan terendah 40% (B40) dan pertengahan 40% (M40). Di peringkat kebangsaan, matlamatnya adalah untuk meningkatkan pendapatan selain gaji sehingga RM1,000 setiap bulan.

Program

Antara program yang akan dilaksanakan dalam BETR 2.0 adalah:

- mengukuhkan struktur perundangan dan perakaunan melibatkan wakaf (sama seperti cara penubuhan Tabung Amanah) untuk meningkatkan jumlah wakaf tunai dalam membangunkan aset wakaf
- Memperkasa kempen perancangan dan kesedaran kewangan serta menyediakan pelbagai saluran untuk Bumiputera memperolehi nasihat kewangan

- Meluaskan kempen pelaburan dan produk berstruktur untuk menggalakkan pelaburan dalam institusi pelaburan besar
- Menubuhkan skim amanah pelaburan hartanah Bumiputera (REIT) untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam REITS untuk menghasilkan pulangan tetap pendapatan bagi membina kekayaan dalam jangka panjang.

Pengukuhan Sistem Penyampaian


Dalam BETR 1.0, TERAJU memberi tumpuan kepada kerjasama dengan rakan kongsi sistem penyampaian seperti agensi serantau koridor, entiti pembangunan usahawan yang lain, NGO dan bank-bank sektor swasta untuk menjana penyampaian program-program kami. Pada masa yang sama, Unit Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera (UPEB) telah ditubuhkan di semua Kementerian. Ini meluaskan jangkauan kami di samping membantu untuk menyelaraskan institusi yang sedia ada.

Melangkah ke hadapan, Kerajaan berhasrat untuk memperkembangkan pendekatan ini.

Program

Antara program yang akan dilaksanakan dalam BETR 2.0 adalah:

- Mengukuhkan hubungan antara agensi pembangunan bagi memastikan syarikat dalam sektor sasaran menerima liputan menyeluruh dalam peringkat kitaran hidup yang berbeza, pada masa yang sama mengurangkan pertindihan program
- Mengukuhkan penyelarasan antara Kementerian “KPI Bumiputera” dan “Hala Tuju Sebenar” BETR 2.0
- Menyebarkan model bekerja dengan rakan kongsi sistem penyampaian. Sebagai contoh, Agensi pembangunan usahawan untuk bekerjasama secara strategik dengan institusi kewangan dalam pemberian pinjaman; dan menjalinkan perkongsian strategik dengan sektor swasta untuk mengendalikan premis runcit milik Kerajaan
- Memperkasa TERAJU ke peringkat seterusnya untuk mereka bentuk program-program baru mengikut keperluan semasa dan menyelaraskan dengan lebih berkesan program-program di bawah BETR 2.0. Untuk membolehkan TERAJU memainkan peranan yang lebih berkesan sebagai penasihat polisi, TERAJU pada peringkat awal akan menjalankan projek perintis dengan agensi pelaksana yang sesuai. Setelah projek perintis tersebut berjaya, bagi pelaksanaan di skala yang lebih besar, program tersebut akan di pindahkan kepada agensi pelaksana atau rakan penyampai yang lebih sesuai dan keberhasilan program dipantau oleh TERAJU dari masa ke semasa.



BAB 5

MENUJU ERA BARU

BETR 1.0 yang dilancarkan pada 2011 telah dilaksanakan sehingga 2016 berdasarkan tiga tema utama: Meningkatkan kemampuan, menambah nilai aset milik Bumiputera serta meningkatkan pemilikan korporat Bumiputera dan penglibatan syarikat Bumiputera di dalam sektor tertentu untuk merangsang pembangunan vendor Bumiputera dan pekerjaan di sektor berpotensi tinggi.

Sebagai Sekretariat kepada Majlis Ekonomi Bumiputera dan peneraju dalam pelaksanaan BETR 1.0, TERAJU menerajui usaha awal Kerajaan untuk mempertingkatkan agenda Bumiputera. Ini telah dicapai menerusi prinsip berikut:

- Mencipta kesan berganda daripada peruntukan pembiayaan Kerajaan
- Penyampaian menerusi usaha sama strategik
- Menandatangani MoU yang mempunyai KPI dan hasil program yang jelas dengan agensi strategik TERAJU
- Memupuk daya saing
- Penerapan agenda Bumiputera sebagai agenda nasional negara



Sepanjang BETR 1.0 yang dilaksanakan dalam tempoh 2011-2016, agenda Bumiputera telah mencapai kemajuan ketara dan memberikan berbagai faedah untuk Bumiputera melalui pelaksanaan lima terasnya: pemerkasaan modal insan, pengukuhan pemilikan ekuiti korporat, pengukuhan pemilikan aset bukan kewangan, memperkasa keusahawanan dan perniagaan dan mengukuhkan sistem penyampaian.

Kejayaan dari inisiatif di bawah teras ini boleh diukur di tahap nasional melalui hasil program yang dilaksanakan oleh Kerajaan melalui pelbagai agensi dan rakan kolaborasi TERAJU. Misalnya, inisiatif yang menumpukan aspek modal insan telah menyumbang kepada prestasi yang lebih baik oleh Bumiputera pada tahap pendidikan tinggi, di mana ramai graduan berjaya dilahirkan serta memperolehi pekerjaan bernilai tinggi. Ini telah menyumbang kepada pendapatan purata yang lebih tinggi dan akhirnya meningkatkan kesaksamaan pendapatan Bumiputera.

Dalam aspek ekuiti korporat, modal pasaran kawalan Bumiputera telah mencatatkan pertumbuhan dari RM70 bilion kepada RM277 bilion antara tahun 2011 dan 2014, antara impak dari program di bawah BETR 1.0 seperti SJJB dan TERAS. Di bawah teras keusahawanan, program BETR 1.0 seperti SUPERB, *Carve-Out and Compete* dan Dana Mudahcara berperanan besar dalam meningkatkan daya saing dan kemampuan usahawan dan perniagaan Bumiputera, memperkukuh nilai rantai mereka dan menggalakkan banyak peluang pelaburan dan pekerjaan.

Dalam bidang pemilikan aset bukan kewangan, aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan rakan TERAJU iaitu Pelaburan Hartanah Berhad dan PR1MA telah meningkatkan pemilikan hartanah Bumiputera. Akhirnya di bawah teras kelima BETR 1.0, mengukuhkan sistem penyampaian, telah membentuk KPI berorientasikan Bumiputera di peringkat Kementerian dan GLC melalui Khazanah Nasional bagi memastikan usaha memacu agenda Bumiputera sehingga ke peringkat nasional.

Pelaksanaan BETR 1.0 memberikan pengalaman yang berharga kepada Kerajaan dalam meneruskan agenda Bumiputera. Pengalaman-pengalaman ini membolehkan Kerajaan menjalankan semakan dasar untuk meningkatkan impak agenda Bumiputera. Dalam masa yang sama, seiring dengan persekitaran trend ekonomi yang sentiasa berubah dan evolusi teknologi yang pesat, strategi baharu diperlukan dalam pelaksanaan agenda Bumiputera.

Pada April 2017, Kerajaan telah memperkenalkan TKB (BETR 2.0), agenda transformasi Bumiputera fasa kedua. TKB akan menjadi asas semua polisi, pelan induk dan tindakan dalam setiap inisiatif berkaitan pemerkasaan ekonomi Bumiputera oleh Kerajaan, yang turut mengambil kira kesejahteraan sosial dan ekonomi Bumiputera.

BETR 2.0 turut memperkenalkan prinsip dasar yang akan memperkukuhkan agenda Bumiputera dalam tempoh 10 tahun yang akan datang, memfokuskan kepada program-program dan inisiatif-inisiatif yang akan dilaksanakan dalam tempoh lima tahun akan datang – 2017 hingga 2021.

Pelaksanaan fasa baru BETR boleh berpandu kepada:

- i) Peningkatan pendapatan Bumiputera sebagai Hala Tuju Sebenar (*True North*)
- ii) Menggunakan model berasaskan kisah kejayaan sebelum ini
- iii) Gabungan sumber kewangan awam dan swasta bagi penyampaian berimpak tinggi
- iv) Merasionalisasi sistem penyampaian
- v) Melaksanakan dasar mesra-Bumiputera mikro dan kecil
- vi) Memperkukuhkan dan memberi penekanan bagi tenaga kerja wanita
- vii) Penerapan agenda Bumiputera ke dalam arus perdana
- viii) Memperkasa belia Bumiputera dan memastikan kesediaan mereka menghadapi teknologi disruptif

Untuk mencapai Hala Tuju Sebenar, inisiatif dan program akan dilaksanakan menerusi lima teras transformasi yang akan menyentuh isu penawaran (misalnya meningkatkan taraf kemahiran tenaga kerja sedia ada) dan faktor permintaan (misalnya menetapkan sasaran tertentu dalam pelaksanaan dasar inklusif dalam pekerjaan).

Lima teras itu terdiri daripada:

- i) Memperkasa Modal Insan
- ii) Menggalakkan Pekerjaan dan Pendapatan Bernilai Tinggi
- iii) Meningkatkan Nilai Ekuiti Korporat
- iv) Mengukuhkan Keusahawanan
- v) Meningkatkan Pemilikan Aset Bukan Kewangan



Di bawah BETR 2.0, Hala Tuju Sebenar dan lima teras ini, sistem penyampaian akan diperkukuh agar manfaat akan di nikmati oleh masyarakat Bumiputera. BETR 2.0 akan terus mengguna pakai prinsip berdasarkan mesra pasaran, berasaskan keperluan, berasaskan merit, ketelusan, propertumbuhan dan daya saing mampan untuk mengubah pendekatan pembangunan Bumiputera agar tidak lagi bergantung kepada Kerajaan. Pada masa yang sama, TERAJU telah mengenalpasti aspirasi untuk meluaskan jangkauannya kewujudan dan operasinya melalui aktiviti-aktiviti yang dikenalpasti seperti Teraju International, Teraju Equity dan penubuhan Bumiputera REIT.

Bumiputera akan terus mewakili kelompok terbesar penduduk Malaysia, maka agenda Bumiputera akan terus kekal sebagai komponen penting dalam dasar pembangunan Kerajaan bagi memastikan perpaduan negara dikekalkan dan keseimbangan sosioekonomi dan ekonomi dapat dicapai. Berikutan transformasi negara ke arah mencapai ekonomi berpendapatan tinggi menjelang 2020, Kerajaan sudahpun mengambil kira keperluan generasi akan datang menerusi Transformasi Nasional 2050, dan akan memastikan agenda Bumiputera kekal dinamik dan terus membuka jalan ke arah era baru yang lebih gemilang untuk semua lapisan masyarakat Bumiputera.



TRANSFORMASI NASIONAL 2050: PANDANGAN GENERASI BARU

ALLISYA ANIS 'AZMAN

Pembangunan Sektor, TERAJU,

24, Johor

